

**TEKS UCAPAN Y.BHG. DATUK REKTOR  
SEMPENA MAJLIS AMANAT REKTOR TAHUN 2004  
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)**

**TEMPAT:  
HOTEL MITC ANCASA, AYER KEROH  
MELAKA**

**TARIKH :  
14 FEBRUARI 2004**

TEKS UCAPAN REKTOR SEMPENA MAJLIS AMANAT REKTOR TAHUN 2004 DI HOTEL MITC ANCASA, AYER KEROH MELAKA PADA 14 FEBRUARI 2004.

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS

BISMILLAHIR RAHMAN NIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAH MATULLAHI WABARAKATUH DAN SELAMAT SEJAHTERA.

Y.BHG DATUK PROFESOR ISMAIL HASSAN, TIMBALAN REKTOR AKADEMIK, PROFESOR AZHARI SALEH, TIMBALAN REKTOR (PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN KORPORAT), DEKAN-DEKAN, PEGAWAI – PEGAWAI KANAN UNIVERSITI, TENAGA

AKADEMIK DAN PENGURUSAN SERTA KEPIMPINAN MAHASISWA SEKALIAN.

MARILAH KITA MEMANJANGKAN KESYUKURAN KITA KE HADRAT ILAHI DI ATAS LIMPAH DAN KURNIANYA YANG MEMBOLEHKAN KITA BERSAMA DALAM MAJLIS PADA PAGI YANG MULIA INI.

MAJLIS AMANAT REKTOR INI AKAN MENJADI SATU MAJLIS PENTING UNIVERSITI YANG AKAN DIANJURKAN DI SETIAP AWAL TAHUN. MELALUI MAJLIS INI PENCAPAIAN TERKINI UNIVERSITI AKAN DINILAI SECARA OBJEKTIF SERTA ASPIRASI KEPIMPINANNYA AKAN DIKONGSIKAN SECARA BERSAMA DENGAN SETIAP AHLI UNIVERSITI.

DALAM AMANAT SULUNG INI, KITA AKAN BERSAMA MENELITI PENCAPAIAN UNIVERSITI KITA SEJAK PENUBUHANNYA 3 TAHUN YANG LALU



SETERUSNYA SAYA AKAN MENERANGKAN CABARAN YANG DIHADAPI UNIVERSITI INI DAN HARAPAN KITA SEMUA. SAYA JUGA AKAN MENGGARISKAN HALATUJU UNIVERSITI INI DALAM JANGKA MASA TERDEKAT TERUTAMA SEKALI UNTUK TAHUN 2004.

SIDANG HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

SEBELUM MELANGKAH LEBIH JAUH, INGIN SAYA MEMBAWA SAUDARA SEMUA KEMBALI MENINGATI TARIKH 1 DISEMBER 2000. TARIKH INI MEMPUYAI MAKNA TERSENDIRI DI DALAM LIPATAN SEJARAH KUTKM KERANA PADA TARIKH KERAMAT INILAH KUTKM DITUBUHKAN SECARA RASMINYA. APA YANG LEBIH MENARIK KUTKM DITUBUHKAN BERSEMPENA KEDATANGAN ALAF BARU MENYUSUL TIDAK LAMA SELEPAS TARIKH INI. JADI DAPAT KITA KATAKAN KUTKM LAHIR KETIKA KITA,

NEGARA DAN DUNIA MENERIMA KEDATANGAN ALAF BARU YANG DIKATAKAN SERBA MENCABAR.

INI KERANA ALAF BARU INI DIIRINGI OLEH GELOMBANG ARUS GLOBALISASI DAN LEDAKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) YANG MENYEBABKAN SEGALA PERUBAHAN YANG BERLAKU SEMAKIN PANTAS.

KEDATANGAN KEDUA-DUA GELOMBANG INI TELAH MENYEBABKAN DUNIA MENJADI SEMAKIN KECIL SEHINGGA DIKENALI SEBAGAI PERKAMPUNGAN SEJAGAT. DUNIA TIDAK LAGI TERDIRI DARI KAWASAN DAN BUDAYA YANG TERPISAH. IA KINI TERDIRI DARI KAWASAN DAN BUDAYA YANG SALING KAIT MENKAIT. GLOBALISASI DAN ICT MEMBOLEHKAN INI BERLAKU. KEADAAN INI MENDORONG KEPADA PERUBAHAN YANG KETARA DALAM BANYAK ASPEK KEHIDUPAN MANUSIA. PERUBAHAN-PERUBAHAN YANG BERLAKU

MERANGKUMI ASPEK SOSIAL, BUDAYA, EKONOMI, POLITIK DAN BANYAK LAGI.

PENUBUHAN KUTKM PASTINYA BERTUJUAN MEMBOLEHKAN NEGARA INI MENYAHUT PERUBAHAN YANG BERLAKU. FUNGSI UTAMANYA IALAH MELAHIRKAN GRADUAN TEKNIKAL UNTUK ALAF BARU INI. DALAM PADA ITU, SEBAGAI SEBUAH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM KUTKM TIDAK TERKECUALI MENERIMA TEMPIAS DAN BAHANG PERUBAHAN YANG BERLAKU. APATAH LAGI PERSAINGAN YANG TURUT DIBAWA OLEH KEDUA-DUA GELOMBANG KINI MENJADI SEMAKIN SENGIT DAN TERBUKA.

KALAU DULU, IPTA-IPTA DI MALAYSIA HANYA BERSAING SESAMA MEREKA DI ARENA PENDIDIKAN KEBANGSAAN, KINI IANYA TIDAK LAGI DEMIKIAN. PEMBUKAAN BEBERAPA BUAH KAMPUS CAWANGAN UNIVERSITI-UNIVERSITI LUAR NEGARA

SEPERTI UNIVERSITI MONASH, UNIVERSITI CURTIN DAN BEBERAPA BUAH UNIVERSITI LAGI MENJANJIKAN PERSAINGAN YANG TINGGI DALAM PENDIDIKAN TINGGI DI NEGARA INI. DALAM PERSAINGAN INI KUALITI PENDIDIKAN YANG DITAWARKAN SERTA KEBERKESANAN KOS INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI MEJADI FAKTOR PENENTU KEJAYAAN.

KUALITI PENDIDIKAN YANG DIDORONG OLEH PENAWARAN DAN PERMINTAAN AKAN TERUS MENINGKAT. PENGGUNA YANG DIWAKILI OLEH PELAJAR, IBU-BAPA DAN PIHAK INDUSTRI AKAN TERUS MENDESAK AGAR KUALITI PENDIDIKAN YANG DITAWARKAN SETANDING DENGAN YANG DITAWARKAN OLEH INSTITUSI TERKEMUKA DUNIA. GLOBALISASI DAN ICT MEMUNGKINKAN MEREKA MELAKUKANNYA.



KEBERKESANAN KOS PULA MENJADI PENTING KERANA KEWANGAN DAN SUMBER-SUMBER LAIN KINI TIDAK SEMEWAH DAHULU. RAKYAT DAN KEPIMPINAN NEGARA KINI BERUPAYA MENILAI APA YANG DITAWARKAN OLEH UNIVERSITI DAN BAGAIMANA IA DIKENDALIKAN. KESEDARAN TERHADAP MENGGUNAKAN SUMBER SECARA BERKESAN OLEH SEMUA PIHAK AKAN MENYEBABKAN PRESTASI UNIVERSITI DIUKUR MENGGUNAKAN KAYU PENGUKUR INI. TAMBAHAN LAGI KEPEMIMPINAN NEGARA MEMPUNYAI LEBIH BANYAK AGENDA LAIN YANG MEMERLUKAN SUMBER-SUMBER KEWANGAN.

UNTUK ITU UNIVERSITI MESTI BEROPERASI MELALUI PENDEKATAN YANG TERANCANG. KEGAGALAN MERANCANG BERMAKNA MERANCANG UNTUK GAGAL. DENGAN RANCANGAN YANG TELITI DAN TINDAKAN STRATEGIK YANG MEMBERIKAN KELEBIHAN KOMPETITIF, UNIVERSITI

AKAN BERJAYA SEKURANG-KURANGNYA MEMENUHI OBJEKTIF PENUBUHANNYA DAN TUNTUTAN MASYARAKAT. PERANCANGAN YANG DILAKUKAN HENDAKLAH MENGAMBIL KIRA PERUBAHAN YANG SENTIASA BERLAKU DALAM PERSEKITARAN UNIVERSITI.

MELALUI PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN PERANCANGAN YANG BAIK UNIVERSITI AKAN BERPELUANG MENJADI PENGGERAK PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN NEGARA AKAN MENJADI ANTARA UNIVERSITI TERKEMUKA DUNIA.

SIDANG HADIRIN SEKALIAN,

DI DALAM HAL INI, SAYA BERSYUKUR KERANA KUTKM KETIKA AWAL PENUBUHANNYA DULU TELAH PUN MENYEDIAKAN PERANCANGAN YANG SISTEMATIK DAN KOMPREHENSIF. KITA TELAHPUN

MENGAMBIL LANGKAH PROAKTIF DALAM MERANGKA VISI, MISI DAN OBJEKTIF KITA DENGAN MENGAMBIL KIRA PERKEMBANGAN DAN KEHENDAK SENARIO SEMASA.

DI SINI SAYA INGIN MEMBAWA KITA SEMUA MENELITI APA YANG TELAH KITA LAKUKAN SEBELUM INI SUPAYA KITA HAYATI SEMANGAT KUTKM YANG HENDAK DITERJEMAHKAN KE DALAM SATU TINDAKAN YANG JELAS DAN KONKRIT.

SEPERTI YANG KITA SEMUA SEDIA MAKLUM, VISI KUTKM IALAH UNTUK “MENJADI SEBUAH UNIVERSITI TEKNIKAL YANG KREATIF DAN INOVATIF TERKEMUKA DI DUNIA”.

SEPERTI YANG DIGARISKAN DALAM VISI INI BIDANG TEKNIKAL ADALAH BIDANG PENGKHUSUSAN UNIVERSITI INI. PENDEKATAN KITA

MENGGUNAPAKAI ASPEK KREATIF DAN INOVASI SERTA MELENGKAPKAN GRADUAN KITA DENGAN ASPEK INI. INILAH YANG MEMBEZAKAN KITA DENGAN UNIVERSITI LAIN.

MANAKALA MISI KITA PULA ADALAH UNTUK “MELAHIRKAN AHLI PROFESIONAL YANG BERSAHSAH MURNI, KOMPETEN DAN BERKETRAMPILAN TINGGI MELALUI PENDIDIKAN UNIVERSITI TEKNIKAL YANG BERKUALITI, BERTARAF DUNIA BERTERASKAN PENGAJARAN, PEMBELAJARAN DAN PENYELIDIKAN BERORIENTASIKAN APLIKASI DENGAN PERKONGSIAN PINTAR UNIVERSITI-INDUSTRI SEJAJAR DENGAN ASPIRASI NEGARA”.

MELALUI MISI INI KITA KOMITED MELAHIRKAN PROFESIONAL DALAM BIDANG TEKNIKAL YANG BUKAN HANYA BERPENGETAHUAN DAN BERKEMAHIRAN TINGGI DALAM BIDANG MASING-



MASING, TETAPI JUGA BERUPAYA MENTERJEMAHKAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN MEREKA KEPADA TINDAKAN. MEREKA MERUPAKAN PELAKSANA YANG TERBAIK DAN BAKAL MENERAJUI BIDANG KEPAKARAN MASING-MASING. MEREKA MAMPU MENYUMBANG SECARA CEMERLANG KEPADA MAJIKAN DAN MEMPUNYAI KEUPAYAAN UNTUK MENUBUHKAN PERNIAGAAN SENDIRI BERKAITAN BIDANG MEREKA.

PENDEKATAN SEPERTI DALAM MISI MERUPAKAN FAKTOR YANG KITA KENAL PASTI MENJAMIN KEJAYAAN UNIVERSITI INI. SISTEM PEMBELAJARAN BERORIENTASIKAN AMALAN DAN APLIKASI TELAH KITA KENAL PASTI SEBAGAI KUNCI KEJAYAAN KUTKM. BEKERJASAMA DENGAN INDUSTRI MERUPAKAN PENGUPAYA PENDEKATAN INI.

INI TELAH KITA SOKONG DENGAN MELETAKKAN SEMBILAN OBJEKTIF UTAMA YANG INGIN KITA CAPAI DAN LAKSANAKAN IAITU :-

- 1) MENJADI SEBUAH ORGANISAI PEMBELAJARAN DAN KEILMUAN
- 2) MEMAINKAN PERANAN BERKESAN SEBAGAI PENGGERAK KEPADA PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN NEGARA
- 3) MELAHIRKAN GRADUAN YANG KOMPETEN DAN BERSAHSIAH TINGGI YANG MENJADI PILIHAN UTAMA MAJIKAN
- 4) MENAWARKAN KURSUS-KURSUS PROFESIONAL, MULTI DAN INTER-DISIPLIN BERORIENTASIKAN APLIKASI
- 5) MENYEDIAKAN KURIKULUM YANG MENCERMINKAN SEMUA DIMENSI DISIPLIN YANG MENGGALAKKAN

PEMIKIRAN KRITIS, PENYELESAIAN MASALAH, KERJA BERPASUKAN DAN KEMASYARAKATAN

- 6) MEMPUNYAI STAF YANG KOMPETEN DAN BERKELAYAKAN TINGGI SERTA MEMPUNYAI PENGALAMAN PRAKTIKAL YANG LUAS
- 7) MENERAJUI AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN BERLANDASKAN PENYELESAIAN MASALAH INDUSTRI
- 8) MENGADAKAN INFRASTRUKTUR DAN PERSEKITARAN YANG MERANSANG :
  - I) PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
  - II) BERORIENTASIKAN APLIKASI DAN AMALAN
  - III) PERHUBUNGAN DAN KERJASAMA DENGAN UNIVERSITI – INDUSTRI
  - IV) PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN GUNAAN

V) LATIHAN INDUSTRI SECARA DALAMAN

VI) PERUNDINGAN DAN PENDIDIKAN BERTERUSAN

VII) PERSEKITARAN KERJA YANG INDAH DAN MESRA

DAN AKHIR SEKALI

9) MENGADAKAN PERKONGSIAN PINTAR UNIVERSITI – INDUSTRI DALAM :

I) PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

II) PEMBANGUNAN KURSUS DAN MAKMAL

III) PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN PERUNDINGAN



- IV) INKUBATOR DAN KILANG  
PENGAJARAN
- V) LATIHAN INDUSTRI

KITA HARUS SEDAR DAN HAYATI HAKIKAT PENUBUHAN KUTKM ADALAH UNIK DAN BERBEZA DARI IPTA SEDIA ADA. FAKTOR UTAMA YANG MEMBEZAKAN KITA IALAH PENDEKATAN PEMBELAJARAN DAN PENGLIBATAN INDUSTRI.

PENDEKATAN PEMBELAJARAN KUTKM BERTERASKAN AMALAN DAN BERORIENTASIKAN APLIKASI.

PENDEKATAN INI ADALAH BERASASKAN PENYELESAIAN MASALAH SEMASA DI INDUSTRI, MELALUI PENGALAMAN DAN PEMBELAJARAN SECARA AKTIF DAN AMALI.

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA INDUSTRI MENJADI SATU STRATEGI YANG PENTING DALAM MEMBANGUNKAN KUTKM AGAR GRADUAN YANG DIKELUARKAN MENEPATI KEPERLUAN INDUSTRI DAN NEGARA. PERKONGSIAN PINTAR ANTARA KUTKM DENGAN INDUSTRI ADALAH DALAM MEMBENTUK PEMBANGUNAN KURSUS DAN KURIKULUM, PENINDIKAN STAF INDUSTRI KE KUTKM DAN SEBALIKNYA, SUMBANGAN PERALATAN DAN TEMPAT LATIHAN TERUTAMA SEKALI DALAM KEGIATAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN.

SIDANG HADIRIN SEKALIAN,

VISI, MISI DAN OBJEKTIF UNIVERSITI MERUPAKAN UNGKAPAN YANG MENGGARISKAN HALA-TUJU DAN PERANCANGAN UNIVERSITI. KITA TELAH BENTUK HALA-TUJU YANG JELAS DAN TELAH KENAL PASTI PENDEKATAN YANG MENJAMIN KEJAYAAN KITA.

SAYA MAHU SETIAP AHLI KUTKM MENGHAYATI VISI, MISI DAN OBJEKTIF UNIVERSITI. INI PENTING KERANA SETIAP AHLI PERLU MEMAINKAN PERANAN MASING-MASING DALAM MENYOKONG VISI UNIVERSITI. SETIAP AHLI AKAN BERPERANAN SEBAGAI SATU PASUKAN DAN MEMAINKAN PERANAN MASING-MASING SECARA POSITIF.

DI SAMPING ITU SAYA HARAP TIDAK ADA YANG MASIH MENGANGGAP BAHAWA KUTKM SELAMA INI LANGSUNG TIDAK MEMPUNYAI HALA TUJU. KITA SUDAH PUN ADA HALA TUJU, SUDAH PUN TAHU APA YANG PERLU KITA LAKUKAN DAN SUDAH PUN ADA LANDASAN YANG HENDAK KITA IKUTI.

DI PERINGKAT AWAL PENUBUHAN UNIVERSITI INI KITA TELAH LALUI BANYAK CABARAN. CABARAN UTAMA IALAH MEMBANGUNKAN KUTKM DENGAN BERMULA DARIPADA SIFAR DAN MENGISINYA DENGAN INPUT-INPUT YANG BERKUALITI BAGI

MEMBOLEHKAN KITA MELAHIRKAN GRADUAN-GRADUAN YANG SEJAJAR DENGAN KEHENDAK NEGARA.

SEPERTI YANG SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA KITA MAKLUM, GENAP 1 DISEMBER 2003 YANG LALU, USIA KUTKM JUGA GENAP TIGA TAHUN. SECARA PERIBADI, WALAUPUN BANYAK YANG TELAH BERLAKU DAN BANYAK PULA YANG KITA TELAH CAPAI DALAM JANGKA MASA YANG SINGKAT INI, SAYA MASIH DAPAT MEMBAYANGKAN DI DEPAN SAYA HARI-HARI AWAL PENUBUHAN UNIVERSITI YANG KITA SAYANGI INI.

SAYA PERCAYA BAHAWA SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA ANDA TIDAK MELALUI APA YANG TELAH DILALUI OLEH SAYA DAN JUGA BEBERAPA ORANG PENGGERAK AWAL UNIVERSITI INI. ATAS SEBAB ITULAH SAYA MERASAKAN AMAT PERLU DAN AMAT PENTING BAGI SAYA UNTUK MEMULAKAN AMANAT



SAYA INI DENGAN MENGIMBAS KEMBALI SEGALA SUSAH-PAYAH YANG KAMI LALUI BILA MANA KAMI DIBERIKAN AMANAH UNTUK MEMBANGUNKAN UNIVERSITI INI BERMULA DARI SIFAR.

SAYA MASIH INGAT LAGI BAHAWA PADA TARIKH 1 DISEMBER 2000, SERENTAK DENGAN PENGUMUMAN PENUBUHAN KUTKM OLEH YB MENTERI PENDIDIKAN, SAYA JUGA DENGAN RASMI DILANTIK SEBAGAI REKTOR PERTAMA UNIVERSITI INI. DI KESEMPATAN INI JUGA, SAYA INGIN MEMBETULKAN BEBERAPA PANDANGAN YANG MENYATAKAN BAHAWA SAYA MENDAPAT KEDUDUKAN REKTOR ATAS HUBUNGAN BAIK SAYA DENGAN PIHAK KERAJAAN NEGERI ATAU DALAM KATA LAIN, SAYA DIPILIH MENJADI REKTOR ATAS HUBUNGAN BAIK SAYA DENGAN YAB KETUA MENTERI.

INI BAGI SAYA ADALAH MERUPAKAN PANDANGAN YANG KURANG TEPAT. UNTUK PENGETAHUAN SEMUA, SEWAKTU MULA-MULA JABATAN PENDIDIKAN TINGGI MEMINTA UTM MENAMAKAN BEBERAPA CALON UNTUK JAWATAN REKTOR INI, NAMA-NAMA YANG TELAH DICALONKAN DAN DISERAHKAN KEPADA Y.BHG. KSU KETIKA ITU, IAITU TAN SRI DATUK DR JOHARI BIN MAT, DAN SETERUSNYA KEPADA YB MENTERI TELAH TIDAK DIPERSETUJUI DAN DITOLAK.

MEREKA KEMUDIAN TELAH MEMINTA UTM SEKALI LAGI MENAMAKAN CALON YANG LAIN DAN APABILA UTM BERTANYA TENTANG SIAPAKAH CALON YANG PIHAK JPT DAN KEMENTERIAN RASAKAN SESUAI, MAKA Y.BHG. TAN SRI DATUK DR JOHARI BIN MAT TELAH MENYATAKAN BAHAWA SAYA ADALAH CALON YANG DIKEHENDAKI.

MAKA UTM PUN TELAH MENGHANTAR NAMA DAN BIODATA SAYA UNTUK MAKLUMAN PIHAK JPT DAN KEMENTERIAN YANG AKHIRNYA DISERAHKAN KEPADA YB MENTERI UNTUK PERAKUAN BELIAU DAN DIPERSETUJUI OLEH YAB DATUK SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMMAD, PERDANA MENTERI MALAYSIA PADA MASA ITU. JADI, BAGI SAYA TIDAK TIMBUL PERSOALAN YANG MENGATAKAN BAHAWA SAYA SEBENARNYA DIBAWA BALIK OLEH PIHAK KERAJAAN NEGERI ATAU LEBIH TEPAT LAGI YAB KETUA MENTERI.

JUSTERU, SAYA MENGHARAPKAN CAKAP-CAKAP YANG TIDAK BETUL INI DIHENTIKAN KERANA IA BOLEH MENGGAMBARKAN BAHAWA SAYA TIDAK MEMPUNYAI APA-APA KEPAKARAN DAN KEKUATAN UNTUK DILANTIK SEBAGAI REKTOR DI SINI. CUMA KEBETULANNYA SAHAJA SAYA ANAK JATI MELAKA DAN YAB KETUA MENTERI MERUPAKAN SALAH SEORANG KAWAN BAIK SAYA.

JADI DI SINI SAYA INGIN MERAKAMKAN PENGHARGAAN DAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA YB TAN SRI DATUK SERI MUSA BIN MOHAMAD, MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA, DAN TAN SRI DATUK DR JOHARI BIN MAT, BEKAS KSU KEMENTERIAN PENDIDIKAN DI ATAS KEPERCAYAAN YANG TELAH DIBERIKAN KEPADA SAYA.

PADA MASA SAYA DILANTIK PIHAK KEMENTERIAN PENDIDIKAN JUGA ADA MEMBERIKAN CADANGAN SEKIRANYA UNIVERSITI BERMINAT UNTUK BEROPERASI SECARA SEMENTARA DENGAN MENUMPANG DI KAMPUS UTM JALAN SEMARAK, KUALA LUMPUR MEMANDANGKAN DI SANA KEMUDAHAN UNTUK MENYEWA BANGUNAN LEBIH BANYAK DAN MUDAH.

SETELAH DIFIKIRKAN SECARA MENDALAM, SAYA MEMILIH UNTUK UNIVERSITI BEROPERASI TERUS



DI MELAKA. DARI SATU SEGI, KITA TIDAK PERLU BERPINDAH TERLAMPAU JAUH APABILA KAMPUS TETAP SIAP KELAK. DARI SEGI YANG LAIN JUGA, BANGUNNYA KAMPUS SEMENTARA DI MELAKA JUGA MEMBOLEHKAN KAWASAN SEKITARNYA TURUT TERBANGUN DENGAN PESAT.

SAYA SEDAR AMANAH YANG DIBERIKAN KEPADA SAYA UNTUK MEMIMPIN DAN MEMBANGUNKAN UNIVERSITI INI BUKANLAH SATU AMANAH YANG KECIL. SAYA SEDAR IA CUKUP BERAT DAN TIDAK TERMAMPU UNTUK DITANGGUNG SEORANG DIRI.

OLEH ITU, SEBAIK SAHAJA DILANTIK, SAYA TERPAKSA PULA Mencari kumpulan yang sanggup bekerja bersama-sama saya. Sekali lagi, ia bukan merupakan pengalaman yang manis kerana tatkala saya meletakkan harapan kepada beberapa orang yang saya kira boleh membantu saya dan mereka juga

pada awalnya telah bersetuju untuk membantu, akhirnya seorang demi seorang menarik diri atas bermacam-macam alasan.

Namun begitu saya percaya bahawa kita hanya mampu merancang dan Allah jua yang menentukan. Tetapi saya bersyukur kerana dalam keadaan kesukaran itulah saya telah dibantu oleh beberapa orang yang saya sendiri tidak terbalas jasa mereka, di mana mereka bersetuju untuk membantu saya membangunkan KUTKM.

Hari ini, waktu ini dan detik ini, suka saya mengambil kesempatan untuk menyebut satu persatu nama-nama individu yang tekah berjasa besar dalam membangunkan KUTKM.

DUA INDIVIDU YANG SAYA KIRA CUKUP ISTEMEWA ADALAH MERUPAKAN GURU SAYA SENDIRI IAITU Y.BHG. DATUK PROFESOR ISMAIL HASSAN, TIMBALAN REKTOR AKADEMIK DAN YANG KEDUA ADALAH Y.BHG. PROF. ABD. HAMID HAMIDON.

BERCAKAP MENGENAI GURU INI, SAYA MASIH INGAT PESAN ATAU KATA ORANG KEPADA SAYA BAHAWA SEKIRANYA KITA ADA MASALAH, MAKA BALIKLAH DAN CARILAH GURU KITA, INSYA-ALLAH MEREKA SEDIA MEMBANTU. INILAH CERITA SEBENAR YANG BERLAKU KEPADA SAYA BILA SAYA MENGHADAPI MASALAH UNTUK Mencari ORANG UNTUK MEMBANTU SAYA, SAYA PERGI BERJUMPA DENGAN GURU SAYA DAN NIAT SAYA DISAMBUT BAIK DI MANA MEREKA DENGAN RELA HATI MEMBANTU.

DAN INGATLAH BAHAWA KADANG-KADANG ORANG YANG KITA BANTU DAN KITA TOLONG

SEBENARNYA BELUM TENTU BOLEH MENOLONG KITA DI KEMUDIAN HARI. INI CUKUP BERBEZA DENGAN GURU KITA.

DUA NAMA TELAH SAYA SEBUT DAN INDIVIDU-INDIVIDU LAIN YANG AKAN SEBUTKAN SUPAYA SAUDARA DAN SAUDARI JUGA TAHU SIAPAKAH ORANG KUAT DI SEBALIK PENUBUHAN KUTKM INI. MEREKA ADALAH :-

1. PROF. MADYA MD NOAH JAMAL
2. PROF. DR. ISHAK DESA
3. PROF. DR. MD RAZALI AYOB
4. PN. HAJJAH FARIDAH MD AMIN
5. EN. KHAIRUL TAIB
6. EN. AZMAN KAMANI
7. EN. OMAR IBRAHIM



DAN YANG SELEBIHNYA KINI MASIH BERADA DI UTM. MEREKA ADALAH :-

8. PROF. DR. HUSIN AHMAD
9. PROF. MADYA DR. TAIB DORA
10. EN. AHMAD SAID DAN
11. EN. MD NOR MAIN
12. EN. KAMARUL BAHRIN TAWI
13. EN. JOHAN JENDOL
14. PN. RASHIDAH OTHMAN

SELEPAS SEBULAN BERMULA, TENAGA PENGGERAK MENDAPAT TAMBAHAN AHLI BARU IAITU :-

1. PROF DR. AZHARI SALEH
2. EN. HASAN SIRUN
3. PN. NORIDA ATTAN
4. PROF. MADYA ABD SALAM TAHIR

SAYA JUGA BERTERIMA KASIH KEPADA PIHAK FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK UTM, YANG JUGA MERUPAKAN PEJABAT LAMA SAYA KERANA MEMBERIKAN KAMI RUANG UNTUK MULA BERGERAK DI SALAH SBUAH BILIK DI BANGUNAN INSTITUT VOLTAN DAN ARUS TINGGI.

DI BILIK INILAH KAMI MULA BEROPERASI DI MANA PERBINCANGAN DAN PERANCANGAN DILAKUKAN DALAM SUASANA DAN KEADAAN YANG CUKUP BERBEZA BERBANDING DENGAN APA YANG SAUDARA DAN SAUDARI ADA SEKARANG.

KALAU SEKARANG KEBANYAKAN SAUDARA DAN SAUDARI ADA TEMPAT MASING-MASING, KAMI PADA WAKTU ITU TERPAKSA BERKONGSI UNTUK MELAKUKAN KERJA. KALAU SETAKAT SAYA DUDUK DI ATAS LANTAI UNTUK MELAKUKAN KERJA SEPERTI MENGISI BORANG DAN SEBAGAINYA,

BUKANLAH SATU PERKARA YANG PELIK DAN ASING BAGI SAYA.

CUMA, SAYA BOLEH BAYANGKAN KALAU ITULAH YANG TERPAKSA SAUDARA DAN SAUDARI TEMPUHI BILA MULA MASUK KERJA, TENTU MACAM-MACAM RUNGUTAN YANG BOLEH DIDENGARI. TETAPI ITULAH HAKIKATNYA. UNTUK SENANG, SAYA PERCAYA KITA PERLU SUSAH DAHULU. UNTUK DAPATKAN SAGU TENTULAH KITA KENA PECAHKAN RUYUNGNYA.

BEBERAPA CADANGAN TELAH DITERIMA DAN SETELAH DIBUAT PERBANDINGAN MAKA KITA TELAH BERSETUJU UNTUK MENJADIKAN TAMAN TASIK UTAMA SEBAGAI KAMPUS SEMENTARA KITA. KALAU SAUDARA DAN SAUDARI HENDAK TAHU, RUMAH KEDAI TAMAN TASIK UTAMA YANG KINI MENJADI PUSAR SIBER JABATAN KETUA MENTERI ITULAH PEJABAT AWAL KITA.

BAGI SAYA, SECARA PERIBADI, APA YANG DILALUI DARI SAAT AWAL DITUBUHKAN SEHINGGALAH SEKARANG, BANYAK PERKARA YANG BOLEH DIPELAJARI DAN BANYAK BENDA YANG BOLEH DIHAYATI. SALAH SATUNYA ADALAH WALAUPUN KITA BERMULA DENGAN TENAGA KERJA YANG SEDIKIT, IA DITAMPUNG OLEH KERJASAMA BERPASUKAN YANG CUKUP PADU.

SAYA MASIH INGAT BILA MANA KITA SEDANG DALAM PERSEDIAAN MENERIMA PELAJAR AMBILAN PERTAMA PADA BULAN JUN 2001, DI MANA 360 PELAJAR AKAN DITERIMA MASUK. PADA KETIKA ITU, SAYA DAPAT LIHAT BAHAWA SEMANGAT KERJASAMA DAN BERPASUKAN YANG DITUNJUKKAN BEGITU TINGGI.

SEPANJANG DUA TIGA BULAN SEBELUM ITU, MENJADI PEMANDANGAN BIASA KALAU MELIHAT ADA PEGAWAI YANG MENJADIKAN PEJABAT



SEBAGAI RUMAH NOMBOR DUA. ADA YANG TIDUR DI PEJABAT MALAHAN ADA YANG TIDAK TIDUR LANGSUNG. BUKAN ITU SAHAJA, KESEMUANYA BEKERJA TANPA MENGIKHTIRAKAN DARI MANA PEJABAT, FAKULTI DAN UNIT MEREKA DATANG. INI MENUNJUKKAN BETAPA KOMITEDNYA MEREKA PADA KETIKA ITU.

CUMA SAYA BERASA KECEWA KERANA SIKAP INI TIDAK ADA SEPENUHNYA PADA STAF YANG DIAMBIL PADA TAHUN-TAHUN BERIKUTNYA. SUDAH ADA TANDA-TANDA LONGGARNYA IKATAN DENGAN MASING-MASING HANYA KOMITED TERHADAP PROGRAM ATAU AKTIVITI YANG DIJALANKAN OLEH PEJABAT, FAKULTI ATAU UNIT MASING-MASING. OLEH ITU, SAYA BERHARAP IA DAPAT DIPERBAIKI DEMI KEPENTINGAN KUTKM ITU SENDIRI.

BERMULA DENGAN STRUKTUR YANG MUDAH INI, UNIVERSITI INI TELAH BERKEMBANG DENGAN

PESAT SEHINGGA MEMBENTUK ORGANISASI YANG MEMPUNYAI STRUKTUR YANG LEBIH TERSUSUN DAN KOMPREHENSIF. BEBERAPA JABATAN BARU TELAH DITUBUHKAN BAGI MEMANTAPKAN LAGI PERJALANAN PENTADBIRAN UNIVERSITI.

KUTKM KINI MEMPUNYAI ORGANISASI YANG SETANDING DENGAN UNIVERSITI YANG TELAH DITUBUHKAN LEBIH LAMA SEPERTI DI UNIVERSITI LAIN. PENGURUSAN TERTINGGI KUTKM DIKETUAI OLEH REKTOR SELAKU CEO DENGAN DIBANTU OLEH DUA ORANG TIMBALAN. PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI PULA DIBANTU OLEH PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI DAN DEKAN-DEKAN BAGI MENJALANKAN PENGURUSAN UNIVERSITI BAIK DARI SEGI PENTADBIRAN MAHUPUN AKADEMIK.

PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI BERTANGGUNGJAWAB KEPADA LEMBAGA

PENGARAH UNIVERSITI (LPU). BADAN INI DIANGGOTAI OLEH SEMBILAN (9) ORANG AHLI DARI PELBAGAI LATAR BELAKANG PROFESION DAN DIPENGERUSIKAN OLEH Y.BHG. TAN SRI DATO' SERI (DR) MOHD SALEH SULONG, YANG JUGA MERUPAKAN PENERUSI DRB-HICOM.

DI KESEMPATAN INI SAYA BAGI PIHAK UNIVERSITI MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI TERUTAMANYA KEPADA Y.BHG TAN SRI DATUK SERI (DR) SALEH BIN SULONG SELAKU PENERUSI LEMBAGA PENGARAH DI ATAS KEPIMPINAN, KOMITMEN DAN SOKONGAN PADU YANG DIBERIKAN KEPADA PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN UNIVERSITI.

## **PENCAPAIAN SEHINGGA KINI**

WALAUPUN KITA BARU SAHAJA BERMULA, SAYA KIRA SUDAH BANYAK PENCAPAIAN MEMBANGGAKAN YANG TELAH KITA CAPAI. ANTARA YANG SAYA SEBUTKAN ADALAH :

### **1. PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**

WALAUPUN HANYA BERMULA DENGAN SEKUMPULAN TENAGA PENGGERAK AWAL, KINI BILANGAN STAF YANG ADA DI KUTKM TELAH MENCAPI BILANGAN MELEBIHI 700 ORANG. JIKA KITA CAMPUR DENGAN PERJAWATAN YANG TELAH DILULUSKAN PADA TAHUN INI, SEBANYAK 206 JAWATAN BAGI SEMUA PERINGKAT, BILANGAN STAF AKAN BERTAMBAH MENJADI 815 ORANG.

APA YANG LEBIH MEMBANGGAKAN ADALAH HAMPIR KESEMUA JAWATAN INI DAPAT KITA PENUHI MALAHAN KADANG-KADANG TERPAKSA



MENOLAK SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA PERMOHONAN YANG KITA TERIMA.

NAMUN BEGITU, BUKAN ITU SAHAJA YANG SAYA RASA BOLEH DITEKANKAN DI SINI. JIKA KITA LIHAT DARI SEGI STAF AKADEMIK, PADA TAHUN PERTAMA SAHAJA KITA BERMULA, KITA SUDAH ADA TIDAK KURANG DARI ENAM ORANG PROFESOR DI KUTKM. SEHINGGA KINI KITA SUDAH PUN MEMPUNYAI 10 ORANG PROFESOR YANG JUMLAH INI PADA SAYA BOLEH DIBANGGAKAN.

INI BAGI SAYA JUGA MERUPAKAN SATU MOTIVASI KERANA SAYA MASIH INGAT LAGI SENARIO DI UTM DI MANA HAMPIR SEPULUH TAHUN BEROPERASI MASIH BELUM ADA SEORANG PUN PROFESOR KETIKA ITU. SATU KEADAAN YANG JAUH BERBEZA.

## 2. FAKULTI, PUSAT DAN PROGRAM AKADEMIK

BERMULA DENGAN HANYA LIMA FAKULTI IAITU FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK, FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER, FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL, FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN, FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI DAN PUSAT PERKHIDMATAN AKADEMIK, KITA TELAH MENUBUHKAN SEBUAH LAGI PUSAT IAITU PUSAT UNIVERSITI-INDUSTRI SERTA SEBUAH INSTITUT IAITU INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN KEUSAHAWANAN. INI AKAN KITA TAMBAH LAGI MENJADIKAN KESEMUA FAKULTI YANG ADA KEPADA 10 SEMUANYA.

BAGI PROGRAM AKADEMIK PULA KITA BERMULA DENGAN BEBERAPA PROGRAM DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA PADA TAHUN 2001. PADA TAHUN 2002, KITA JUGA TELAH MEMULAKAN PROGRAM DI PERINGKAT DIPLOMA DENGAN

SEBANYAK LIMA BIDANG PENGKHUSUSAN MENGIKUT FAKULTI MASING-MASING.

INI KITA SUSULI PULA DENGAN PENAWARAN DI PERINGKAT PASCA-SISWAZAH MELIBATKAN PERINGKAT SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH (PHD) ATAU DOKTOR KEJURUTERAAN (D.ENG) PADA BULAN JUN TAHUN LALU.

SEHINGGA KINI, KITA SUDAH PUN ADA 17 KURSUS DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA, 5 DI PERINGKAT DIPLOMA, 6 DI PERINGKAT SARJANA DAN 5 DI PERINGKAT PHD. INSYA-ALLAH, TAHUN HADAPAN APABILA KONVOKESYEN PERTAMA KITA DI KAMPUS BARU, KITA AKAN DAPAT MENYAKSIKAN KUMPULAN GRADUAN PERTAMA KESEMUA PERINGKAT KURSUS KITA KECUALI DI PERINGKAT PHD. INI BAGI SAYA JUGA MERUPAKAN SATU PENCAPAIAN YANG BOLEH DIBANGGAKAN.

### 3. PEMBANGUNAN PELAJAR

DARI SEGI PEMBANGUNAN PELAJAR JUGA, PENCAPAIAN YANG KITA ADA TIDAK KURANG MEMBANGGAKAN. BERMULA DENGAN HANYA 360 PADA PENGAMBILAN PERTAMA BULAN JUN 2001, DISUSULI DENGAN 180 PADA PENGAMBILAN KEDUA BULAN NOVEMBER TAHUN YANG SAMA, BILANGAN PELAJAR KITA SUDAH HAMPIR 3000 ORANG PADA KETIKA INI.

INI MERUPAKAN PERTAMBAHAN YANG AGAK PESAT BERBANDING DENGAN UNIVERSITI-UNIVERSITI LAIN YANG SEUSIA DENGAN KITA SEPERTI KUIM, KUKUM, KUKTEM DAN SEBAGAINYA.

SELAIN DARI ITU, CATATAN SEJARAH MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR KUTKM MENANG TANPA BERTANDING SEBANYAK DUA TAHUN BERTURUT-TURUT JUGA DIAKUI SEBAGAI YANG PERTAMA



DALAM SEJARAH MANA-MANA IPTA. SECARA TIDAK LANGSUNG, IA MENUNJUKKAN KEPIMPINAN YANG ADA DI KUTKM BAIK PENGURUSAN UNIVERSITI MAHUPUN PELAJAR BERJAYA MENYAKINKAN GOLONGAN PELAJAR UNTUK BERADA DALAM SATU BARISAN YANG SAMA.

#### 4. PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

WALAUPUN BARU SAHAJA BERMULA, NAMUN TANDA-TANDA YANG DITUNJUKKAN BOLEH DIBANGGAKAN. SELAIN DARI PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK YANG SENTIASA MENDAPAT SAMBUTAN DI MANA SEHINGGA KINI TIDAK KURANG 40 PENYELIDIKAN SEDANG AKAN DIMULAKAN, SUDAH PUN ADA PENYELIDIKAN YANG MENDAPAT PENGIKTIRAFAN BAIK DI PERINGKAT KEBANGSAAN MAHUPUN SERANTAU.

SEBAGAI CONTOH, AINI ATAU RINGKASAN KEPADA ARTIFICIAL INTELLIGENCE NEURAL-NETWORK IDENTITY, YANG MERUPAKAN ROBOT MAYA INTERAKTIF, TELAH DIIKTIRAF OLEH MALAYSIA BOOK OF RECORDS SEBAGAI YANG PERTAMA DI MALAYSIA. IA MENAMBAH LAGI KEPADA PENGIKTIRAFAN YANG TELAH DITERIMA DI PERINGKAT ASIA PACIFIC DAN ASIA YANG DITERIMA OLEH AINI SEBELUM INI.

BAGI SAYA, PENGIKTIRAFAN SEUMPAMA INI BOLEH DIJADIKAN SEBAGAI SATU PENYUNTIK SEMANGAT DAN KEAZAMAN KEPADA PENYELIDIK-PENYELIDIK LAIN DI KUTKM KERANA TIADA SUATU PUN YANG MUSTAHIL SEKIRANYA TUMPUAN SERATUS PERATUS DIBERIKAN KEPADA USAHA MENCAPAINYA.

APA YANG LEBIH PENTING LAGI ADALAH DENGAN TERSEBARNYA BERITA KEJAYAAN INI DI DADA

AKHBAR DAN MEDIA MASSA YANG LAIN, IA MEMBERIKAN SATU IMEJ POSITIF MENGENAI KUTKM KEPADA "POTENTIAL CUSTOMERS" DI LUAR SANA. APATAH LAGI BIDANG PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNANLAH YANG BOLEH MEMBERIKAN KREDIBILITI DAN KEKUATAN KEPADA MANA-MANA UNIVERSITI DALAM USAHA MEMPROMOSIKANNYA KEPADA ORANG RAMAI.

## 5. PEMBANGUNAN KAMPUS

SATU LAGI PERKARA YANG KITA BOLEH BANGGAKAN ADALAH PEMBANGUNAN KAMPUS KITA TERUTAMANYA PEMBANGUNAN KAMPUS TETAP DI DURIAN TUNGGAL. UNTUK MAKLUMAN SAUDARA DAN SAUDARI SEMUA, INSYA-ALLAH PADA BULAN NOVEMBER TAHUN INI DUA FAKULTI IAITU FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER AKAN BERPINDAH TERLEBIH DAHULU.

INI AKAN DISUSULI PULA OLEH SEMUA FAKULTI DAN PEJABAT YANG ADA PADA PENGHUJUNG TAHUN HADAPAN. BAGI SAYA IA ADALAH PENCAPAIAN YANG BEGITU BAIK SEKALI KERANA PENGALAMAN SAYA DAN RAKAN-RAKAN SAYA DI UTM DAHULU, HAMPIR LEBIH 13 TAHUN BARULAH KAMI MULA BERPINDAH KE KAMPUS DI SKUDAI, ITUPUN SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT DAN HANYA SELESAI PADA TAHUN 1995.

DAN KALAU DIBUAT PERBANDINGAN DENGAN UNIVERSITI-UNIVERSITI LAIN, MASA YANG PALING CEPAT SEKITAR 7-10 TAHUN BARULAH SIAP KAMPUS TETAP. UNIMAS SENDIRI SEBAGAI UNIVERSITI YANG LEBIH AWAL DITUBUHKAN DARIPADA KITA HANYA AKAN SIAP PADA SEKITAR WAKTU KITA SELESAI PINDAH NANTI.



## 6. PENGANJURAN PROGRAM

APA YANG SAYA INGIN SEBUTKAN INI MUNGKIN CUMA SEBAGAI SATU TAMBAHAN KEPADA PENCAPAIAN-PENCAPAIAN YANG SAYA SEBUTKAN TADI. BIARPUN NAMPAK SEPERTI REMEH DAN KURANG PENTING, TETAPI SAYA PERCAYA BAHAWA INI JUGA MERUPAKAN SATU KEKUATAN YANG PERLU KITA TONJOL DAN KEKALKAN KERANA IA BOLEH MENJADI SATU ASET YANG BEGITU PENTING KE ARAH MEMAPARKAN IMEJ YANG BAIK DAN POSITIF DI MATA ORANG LAIN.

DUA ACARA DARI BANYAK-BANYAK ACARA YANG INGIN SAYA JADIKAN CONTOH ADALAH MAJLIS ISTIADAT PEMASYHURAN CANSELOR DAN KONVOKESYEN KOMEMORATIF DAN KEJOHANAN GOLF ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA KE-31 DI MANA KEDUA-DUANYA BERLANGSUNG TAHUN LEPAS SECARA BERTURUT-TURUT DENGAN HANYA SEMINGGU BERSELANG.

- ISTIADAT PEMASYHURAN CANSELOR
- TOKOH-TOKOH YANG DIBERI IJAZAH KEDOKTORAN
- COKMAR KUTKM

WALAUPUN KEDUA-DUA ACARA INI MERUPAKAN PERKARA BARU YANG TIDAK PERNAH DILAKSANAKAN, NAMUN BEGITU PADA PANDANGAN SAYA TELAH DILAKSANAKAN DENGAN BEGITU BAIK DAN CEMERLANG SEKALI. INI BUKANLAH PUJI-PUJIAN KOSONG DARIPADA SAYA SEMATA-MATA TETAPI BERDASARKAN KOMEN-KOMEN POSITIF YANG SAYA TERIMA DARIPADA BANYAK ORANG LUAR.

UNTUK ITU, SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA PENDAFTAR, EN. HASAN SIRUN DAN PROF. DR. ISHAK DESA DAN JUGA KUMPULAN YANG BERSAMA MEREKA

KERANA TELAH BERKORBAN MASA DAN TENAGA SEHINGGA MEMBOLEHKAN SEMUA YANG DIRANCANG BERJALAN DENGAN LANCAR.

ITULAH ANTARA PENCAPAIAN-PENCAPAIAN YANG BOLEH SAYA KETENGAHKAN PADA PAGI INI SEBAGAI SATU PERANSANG KE ARAH MENINGKATKAN LAGI PENCAPAIAN YANG BOLEH KITA LAKUKAN DEMI MENAIKKAN NAMA KUTKM. JANGANLAH KITA CEPAT BERPUAS HATI DENGAN APA YANG TELAH KITA CAPAI SEBALIKNYA USAHA PERLU DILIPAT GANDAKAN SUPAYA GRAFNYA TERUS MENINGKAT.

### **ISU PENDIDIKAN TINGGI MASA KINI DAN MASA HADAPAN**

MESKIPUN KITA TELAH MENCAPAI BANYAK KEJAYAAN DALAM MEMBANGUNKAN UNIVERSITI INI SEHINGGA KINI, KITA HENDAKLAH SENTIASA

MENGAWASI FAKTOR PERSEKITARAN YANG BERKENAAN. UNTUK ITU ELOK KITA LIHAT ISU-ISU YANG MELIBATKAN PENDIDIKAN TINGGI MASA KINI DAN MASA DEPAN.

### **PERTAMA :-**

PERMINTAAN TERHADAP SUMBER MANUSIA YANG TERLATIH SERTA BERKEBOLEHAN DALAM PELBAGAI BIDANG MENINGKAT DENGAN MENINGKATNYA TAHAP PERINDUSTRIAN NEGARA. KEADAAN INI JUGA BERLAKU SELARAS DENGAN PERTUKARAN EKONOMI NEGARA MENJADI EKONOMI BERASASKAN ILMU. DALAM EKONOMI BARU INI PRESTASI DAN PENCAPAIAN AMAT BERGANTUNG KEPADA GUNA TENAGA MAHIR DAN BERPENGETAHUAN TINGGI.

BERASASKAN RANCANGAN MALAYSIA KE LAPAN, BILANGAN JURUTERA AKAN MENINGKAT SERAMAI



137,200 DALAM TEMPOH MASA 2000-2010. SERAMAI 122,650 DILATIH OLEH IPTA DAN SELEBIHNYA DARI IPTS. BAGI MEMBANTU JURUTERA PULA PENINGKATANNYA ADALAH SERAMAI 331,700 JAWATAN.

SECARA KHUSUS ISU DAN CABARAN YANG MENDEPANI PENDIDIKAN TERTIARI DI NEGARA INI TERMASUKLAH :

- 1) MENINGKATKAN NISBAH PELAJAR IJAZAH PERTAMA : DIPLOMA / SIJIL DARI 1:4 KE 1:2
- 2) MEMASTIKAN PROGRAM AKADEMIK LEBIH RELEVAN KEPADA KEPERLUAN INDUSTRI, MENGGALAKKAN PEMIKIRAN KREATIF DAN INOVATIF DAN MENGELUARKAN GRADUAN YANG

BERDAYA SAING DI PERINGKAT ANTARABANGSA.

- 3) MEMPERTINGKATKAN KEMAHIRAN KOMUNIKASI DI KALANGAN PELAJAR TERUTAMA SEKALI DALAM PENGUASAAN BAHASA INGGERIS
- 4) MENINGKATKAN KEGIATAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN YANG LEBIH PRAKTIK DAN MENGELUARKAN PRODUK-PRODUK YANG BOLEH DIUKUR MELALUI BILANGAN PATEN DAN KEGIATAN PENGKOMERSIALAN
- 5) MENGHASILKAN PENERBITAN-PENERBITAN ILMIAH YANG BERKUALITI DI PERINGKAT KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA
- 6) MEMPERTINGKATKAN PENGGUNAAN ICT UNTUK MERANSANG PROSES PENGURUSAN, PENGAJARAN DAN

PEMBELAJARAN INSTITUSI PENDIDIKAN TERTIARI (E-UNIVERSITY PADA 2005)

- 7) PENINGKATAN NISBAH PELAJAR LEPASAN IJAZAH BERBANDING PELAJAR IJAZAH PERTAMA (1:4 PADA TAHUN 2010).
- 8) MENINGKATKAN BILANGAN PELAJAR ASING KEPADA 5% ENROLMEN IJAZAH PERTAMA PADA 2005.
- 9) SETIAP IPTA MENJANA 10% KEPERLUAN PERUNTUKAN MENGURUS 2005 DARI AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

HENDAKLAH JUGA MELAHIRKAN USAHAWAN YANG MAMPU MENJANA KEKAYAAN NEGARA MELALUI KEGIATAN INOVASI DAN PERUSAHAAN BARU. GRADUAN YANG DIHASILKAN HENDAKLAH MEMPUNYAI KEBOLEHAN UNTUK MENUBUHKAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA.

INI SANGAT PENTING KERANA USAHAWAN MEMAINKAN PERANAN YANG BESAR DALAM EKONOMI NEGARA. BERASASKAN STATISTIK DI BAWAH, NEGARA YANG MAJU MEMPUNYAI PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA YANG LEBIH BERKEMBANG BERBANDING DI MALAYSIA. OLEH ITU KEUPAYAAN INSTITUSI PENDIDIKAN MENJANA USAHAWAN BERPOTENSI UNTUK MENYUMBANG TERUS KEPADA KEDUDUKAN ENOKOMI NEGARA.

SME AS % OF	MLSIA	JPN	USA	CHINA	KOREA	TAIWAN
TOT.ESTABLISMENT	92.0	99.7	N.A	99.0	99.2	98.1
TOT.EMPLOYMENT	30.7	69.5	50.1	75.0	75.3	78.1

## KEDUA:

DI SAMPING MENGHASILKAN SUMBER MANUSIA TERLATIH SEPERTI YANG DIPERLUKAN OLEH INDUSTRI, INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI



### **KETIGA :**

PERLU DIINSAFI BAHAWA SEKTOR PEMBUATAN MERUPAKAN SEKTOR EKONOMI YANG PENTING KEPADA NEGARA. DI MALAYSIA INDUSTRI KECIL & SEDERHANA (IKS) DALAM SEKTOR PEMBUATAN MERANGKUMI 7% DARI SEMUA KEGIATAN IKS. INDUSTRI ELEKTRONIK, ELEKTRIK DAN PERALATAN JENTERA MENYUMBANG SEHINGGA RM97,383 JUTA DARIPADA RM148,458 JUTA EKSPOT PEMBUATAN. DARI SEGI GUNA TENAGA MENGIKUT SEKTOR, 2.814 JUTA PEKERJA ATAU 21.7% ADALAH DARI SEKTOR PEMBUATAN.

### **KEEMPAT :**

MENYEDARI KEPENTINGAN PENDIDIKAN KE ARAH MEMBANGUNKAN NEGARA, KERAJAAN TELAH MENYEDIAKAN PERUNTUKAN YANG BESAR UNTUK KEGIATAN PENDIDIKAN DARI TAHUN KE TAHUN. NAMUN BEGITU PERKEMBANGAN TERKINI MENUNJUKKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK

MUNGKIN MENGAMBIL PENDEKATAN YANG SAMA SECARA BERTERUSAN.

INI DAPAT DILIHAT DARI PENURUNAN PERATUS PERUNTUKAN UNTUK TUJUAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2004. TERDAPAT PENURUNAN YANG KETARA DALAM PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2004.

PERBELANJAAN MENGURUS PENDIDIKAN OLEH KERAJAAN PUSAT

2003 : 19,436 JUTA OUT OF 73,237

2004 : 20.386M OUT OF 80,030

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

2003 : 10,495M OUT OF 37,963

2004 : 4,615M OUT OF 29,960

### **KELIMA :**

DALAM PADA ITU KITA MESTI MENGINSAFI BAHAWA PERJALANAN YANG PERLU DILALUI OLEH SEKTOR PENDIDIKAN TINGGI NEGARA INI SECARA

KESELURUHAN MASIH JAUH. INI DAPAT DILIHAT DALAM PERBANDINGAN PERATURAN KUMPULAN UMUR 20-24 YANG MENGIKUTI PROGRAM KEJURUTERAAN BERBANDING DI NEGARA LAIN.

#### PERCENTAGE OF 20-24 YRS OLD DOING ENGINEERING AT TERTIARY LEVEL

HONG KONG : 3.7 ; INDONESIA : 1.8; JAPAN : 9.0; KOREA : 3.5

MALAYSIA : 0.8; SINGAPURA : NA; SWEDEN : 6.2; USA : 4.2

(1990-1995 FIGURES)

DARI STATISTIK YANG ADA, MALAYSIA MASIH LAGI KETINGGALAN DARI SEGI BILANGAN MEREKA YANG TERLIBAT DALAM PROGRAM-PROGRAM KEJURUTERAAN. USAHA PATUT DIJALANKAN BAGI MENGGALAKKAN LEBIH RAMAI PELAJAR MEMILIH JURUSAN KEJURUTERAAN SEBAGAI KERJAYA MEREKA.

STATISTIK TENTANG SAINS DAN TEKNOLOGI SEPERTI DI BAWAH MENEGASKAN LAGI KEADAAN INI.

#### SCIENCE AND TECHNOLOGY INFORMATION

COUNTRY	R&D PERSONNEL/1M	PATENT FILE RESIDENT	NON-RES
HONG KONG	-	26	2,359
INDONESIA	182	-	4,517
JAPAN	4,909	331,467	66,487
KOREA	2,193	92,798	37,308
MALAYSIA	93	179	6,272
SINGAPORE	2,318	8,188	29,467
SWEDEN	3,826	7,893	107,107
USA	3,676	125,808	110,884

(1997-1998 FIGURE)

#### PERCENTAGE OF PROFESSIONAL, TECHNICAL AND RELATED WORKERS OF TOTAL EMPLOYMENT, 1997

JAPAN : 22.9%; GERMANY : 32%, MALAYSIA : 10.7%;

USA : 28.4%, AUSTRALIA : 27.9%,

SINGAPORE : 26.4%; HONG KONG : 21.5%;

UK : 15.1%



### KEENAM :

SATU LAGI ISU YANG INGIN SAYA KETENGAHKAN DISINI IALAH PERANAN INSTITUSI PENDIDIKAN KE ARAH MENYOKONG KEPERLUAN INOVASI SYARIKAT. BERASASKAN KAJIAN TENTANG INOVASI DI PERINGKAT NEGARA DIDAPATI BAHAWA PERATUSAN SYARIKAT MALAYSIA YANG MEMPERKENALKAN INOVASI DALAM OPERASI MEREKA ADALAH JAUH LEBIH RENDAH DARI DI NEGARA LUAR. SETERUSNYA DIDAPATI BAHAWA SYARIKAT DI MALAYSIA TIDAK MENGANGGAP BAHAWA INSTITUSI PENDIDIKAN MERUPAKAN SUMBER UTAMA INOVASI YANG MEREKA LAKUKAN.

### NATIONAL SURVEY OF INNOVATION

#### PERCENTAGE OF INNOVATING FIRMS :

MALAYSIA : 21; CANADA : 80; AUSTRALIA : 26;  
SWEDEN : 54; FRANCE : 43; GERMANY : 69

### MALAYSIAN FIRMS OBTAIN INNOVATION FROM :

1. CLIENTS / CUSTOMERS
2. INFORMATION FROM WITHIN COMPANY

### FACTOR DEEMED NOT TO BE IMPORTANT :

1. UNIVERSITIES OR OTHER EDUCATIONS INSTITUTES
2. PATENT DISCLOSURES
3. GOVERNMENT NON - PROFIT ORGANIZATION

### CABARAN KUTKM

BERASASKAN ISU-ISU YANG SAYA BENTANGKAN SEBENTAR TADI, CABARAN YANG PERLU DITANGANI OLEH KITA SEMUA ADALAH SEPERTI BERIKUT :-

- 1) MEMASTIKAN BAHAWA KUTKM MEMENUHI PERANCANGAN PIHAK BERKUASA TENTANG PERANAN YANG PERLU DIMAINKAN OLEH IPTA
- 2) MENJANA GRADUAN YANG BUKAN HANYA PAKAR DAN MAHIR DALAM BIDANG KEPAKARAN MASING-MASING TETAPI JUGA BERUPAYA MENGGUNAKAN KEPAKARAN BERKENAAN BAGI MENJANA KEKAYAAN MELALUI PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA.
- 3) MENJADI PENYUMBANG YANG BERMAKNA TERHADAP SEKTOR PEMBUATAN NEGARA.
- 4) BEROPERASI SECARA KOS-EFEKTIF DAN MEMAKSIMUMKAN PENGGUNAAN ASSET UNIVERSITI
- 5) MENGELUARKAN TENAGA MAHIR YANG MENJADI RUJUKAN DALAM BIDANG KEPAKARAN MASING-MASING; DAN
- 6) MEMENUHI KEPERLUAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DALAM INDUSTRI TERUTAMA BERKAITAN PENJANAAN INOVASI SAMADA BARANGAN ATAU PROSES.

#### **SASARAN SERTA PELAN TINDAKAN KUTKM**

DARI SEGI PROGRAM AKADEMIK, ANTARA ISU-ISU YANG PERLU KITA TANGANI BERSAMA IALAH ISU MENDAPATKAN AKREDITASI BAGI SETIAP KURSUS YANG DIJALANKAN. PERLU DINYATAKAN DISINI BAHAWA KITA YAKIN IJAZAH KEJURUTERAAN KITA AKAN DIIKTIRAF SEBAGAIMANA IPTA-IPTA LAIN. BAHKAN KITA YAKIN JUGA BAHAWA GRADUAN KITA AKAN LEBIH RELEVAN PADA INDUSTRI DARI GRADUAN IPTA LAIN. INI ADALAH BERTERASKAN CIRI PENGAJARAN KITA YANG BERBENTUK AMALAN



DAN BERORIENTASIKAN AMALI YANG KITA LAKSANAKAN.

DARI SEGI KERJA-KERJA UNTUK MENDAPATKAN PENGIKTIRAFAN INI SEPATUTNYA KITA BERSATU DAN YAKIN DENGAN APA YANG KITA SEDANG DAN AKAN LAKUKAN. KITA BERHARAP DENGAN ADANYA UNIT JAMINAN KUALITI KITA AKAN MENYELARASKAN SEMUA PERMOHONAN AKREDITASI SUPAYA KITA BERSATU SUARA DALAM MENEGAKKAN CARA PENGENDALIAN PENGAJIAN KITA INI.

DARI SEGI PEMBANGUNAN PRASARANA SALAH SATU OBJEKTIF KUTIPAN INI ADALAH UNTUK MENYEDIAKAN STAF AKADEMIK SEPATUTNYA BERTINDAK AKTIF BAGI MEMPERBAIKI LAGI KANDUNGAN DAN MUTU PENGAJARAN KITA TERUTAMA SEKALI DALAM MENGENDALIKAN SESI (PAO) – “PRACTICE AND APPLICATION ORIENTED SESSION” INI. KITA AKAN BUKTIKAN YANG CARA INI ADALAH CARA TERBAIK BAGI MENGELUARKAN TENAGA JURUTERA YANG

DIPERLUKAN NEGARA. KITA HARUS SEMAK DAN SENTIASA PERBAIKI KURIKULUM DAN SILIBUS YANG ADA, MENDAPATKAN MAKLUMBALAS DAN NASIHAT DARI PAKAR-PAKAR DARI INDUSTRI, PAKAR-PAKAR DARI DALAM DAN LUAR NEGARA SUPAYA KURSUS DAN CARA KITA KENDALIKANNYA BUKAN SAHAJA MENDAPAT PENGIKTIRAFAN YANG DIPASTIKAN TETAPI JUGA DI IKTIRAF OLEH INDUSTRI, DAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DALAM DAN LUAR NEGARA SEBAGAI KENDALIAN KURSUS YANG TERBAIK.

DALAM MASA YANG SAMA SETIAP FAKULTI DISARANKAN SUPAYA MEWUJUDKAN KURSUS-KURSUS BARU DAN YANG TERKINI YANG DAPAT MENGELUARKAN GRADUAN-GRADUAN DALAM PELBAGAI BIDANG YANG DIANGGAP PERLU PADA MASA KINI. ANTARA KURSUS-KURSUS YANG PERLU DI BERI PERHATIAN IALAH MEKATRONIK,

ELEKTRONIK PERUBATAN, BIOTEKNOLOGI, KEUSAHAWANAN DAN SEBAGAINYA.

KITA JUGA PERLU WUJUDKAN KURSUS-KURSUS EKSEKUTIF DIMANA PEGAWAI-PEGAWAI DARI INDUSTRI DAPAT MELANJUTKAN PENGAJIAN ATAU KEPAKARAN MEREKA SECARA BERTERUSAN. KITA JUGA PERLU MEMPERGIATKAN LAGI PENYAMPAIAN KURSUS KITA MELALUI KAEDAH WEB-BASED DAN SECARA ELEKTRONIK.

DARI SEGI PEMBANGUNAN PRASARANA, SALAH SATU OBJEKTIF KUTKM IALAH UNTUK MEMBINA SEBUAH KAMPUS YANG SERBA LENGKAP DENGAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN TERKINI YANG AKAN DISENANGI OLEH SEMUA WARGA KUTKM TERMASUK PARA PELAJAR.

SEMUA INI TIDAK BOLEH DICAPAI DENGAN BEGITU SAHAJA TANPA KOMITMEN STAF AKADEMIK MELIBATKAN DIRI DALAM KERJA-KERJA PENYELIDIKAN. DARI MANA AKAN WUJUDNYA KEPAKARAN YANG DIPERLUKAN INDUSTRI.

KUTKM JUGA ADALAH SEBUAH “RESEARCH UNIVERSITY”. KITA PERLU BUKTIKAN YANG KITA JUGA SAMA TARAF DENGAN IPTA LAIN. KITA AKAN MENGHASILKAN PENYELIDIKAN YANG LEBIH PRAKTIK DAN BERGUNA PADA INDUSTRI. PELAJAR DAN PENSYARAH AKAN SAMA-SAMA MENGAJUI DAN MENGHASILKAN KELUARAN YANG DAPAT MENYELESAIKAN MASALAH INDUSTRI ATAU PUN MEMBERI MANFAAT PADA INDUSTRI.

SAYA, DISINI, INGIN MENEKANKAN SUPAYA SEMUA PENSYARAH MELIBATKAN DIRI DALAM KERJA-KERJA PENYELIDIKAN. GUNAKAN KEMUDAHAN YANG DIBERIKAN IAITU GERAN JANGKA PENDEK



ELEKTRONIK PERUBATAN, BIOTEKNOLOGI, KEUSAHAWANAN DAN SEBAGAINYA.

KITA JUGA PERLU WUJUDKAN KURSUS-KURSUS EKSEKUTIF DIMANA PEGAWAI-PEGAWAI DARI INDUSTRI DAPAT MELANJUTKAN PENGAJIAN ATAU KEPAKARAN MEREKA SECARA BERTERUSAN. KITA JUGA PERLU MEMPERGIATKAN LAGI PENYAMPAIAN KURSUS KITA MELALUI KAEDAH WEB-BASED DAN SECARA ELEKTRONIK.

DARI SEGI PEMBANGUNAN PRASARANA, SALAH SATU OBJEKTIF KUTKM IALAH UNTUK MEMBINA SEBUAH KAMPUS YANG SERBA LENGKAP DENGAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN TERKINI YANG AKAN DISENANGI OLEH SEMUA WARGA KUTKM TERMASUK PARA PELAJAR.

SEMUA INI TIDAK BOLEH DICAPAI DENGAN BEGITU SAHAJA TANPA KOMITMEN STAF AKADEMIK MELIBATKAN DIRI DALAM KERJA-KERJA PENYELIDIKAN. DARI MANA AKAN WUJUDNYA KEPAKARAN YANG DIPERLUKAN INDUSTRI.

KUTKM JUGA ADALAH SEBUAH “RESEARCH UNIVERSITY”. KITA PERLU BUKTIKAN YANG KITA JUGA SAMA TARAF DENGAN IPTA LAIN. KITA AKAN MENGHASILKAN PENYELIDIKAN YANG LEBIH PRAKTIK DAN BERGUNA PADA INDUSTRI. PELAJAR DAN PENSYARAH AKAN SAMA-SAMA MENGAJAI DAN MENGHASILKAN KELUARAN YANG DAPAT MENYELESAIKAN MASALAH INDUSTRI ATAU PUN MEMBERI MANFAAT PADA INDUSTRI.

SAYA, DISINI, INGIN MENEKANKAN SUPAYA SEMUA PENSYARAH MELIBATKAN DIRI DALAM KERJA-KERJA PENYELIDIKAN. GUNAKAN KEMUDAHAN YANG DIBERIKAN IAITU GERAN JANGKA PENDEK

UNTUK MEMULAKAN SESUATU DAN SETERUNYA MENDAPATKAN GERAN IRPA BAGI MENGHASILKAN PRODUK-PRODUK PENYELIDIKAN. BUKAN SETAKAT ITU SAHAJA MALAH DAPATKAN JUGA GERAN DARI INDUSTRI DAN JALANKAN KERJA-KERJA PERUNDINGAN SUPAYA MASYARAKAT AKAN LEBIH MENGENALI KUTKM.

SAYA INGIN MENGSYORKAN BAHAWA SETIAP PENSYARAH MENGHASILKAN SEKURANG-KURANGNYA SATU KERTAS KERJA SETAHUN. HARUS DIINGATKAN BAHAWA TANPA PENGHASILAN KERTAS KERJA DAN KERJA-KERJA PENYELIDIKAN SUSAH BAGI PENSYARAH DINAIKAN PANGKAT.

SATU LAGI PERKARA YANG DAPAT DIHASILKAN BILA ADA KERJA PENYELIDIKAN IALAH KURSUS DAN PROGRAM PENYELIDIKAN BAGI MENDAPAT IJAZAH MASTERS DAN PHD. DENGAN ADANYA

PELAJAR-PELAJAR INI BUKAN SAHAJA KERJA-KERJA PENYELIDIKAN BERJALAN LANCAR BAHKAN KITA SENDIRI DAPAT MEMPERCEPATKAN BILANGAN PHD YANG ADA. KITA PERLU MENINGKATKAN NISBAH POSGRADUATE KE UNDERGRADUATE KE NISBAH 1:6 PADA TAHUN 2005 DAN 1:4 PADA TAHUN 2010. DARI SEGI TENAGA PENGAJAR PULA KITA PERLU PERTINGKATKAN SUPAYA 70% DARI STAF AKADEMIK MEMPUYAI PHD SEBELUM 2010.

BAGI MEMASTIKAN INI SESETENGAH UNIVERSITI TELAH PUN MENGAMBIL TINDAKAN SUPAYA STAF AKADEMIK HANYA DIBERI JAWATAN PENSYARAH SEMENTARA SAHAJA DAN HANYA DITETAPKAN DALAM JAWATAN BILA MEREKA MENDAPAT PHD!!!

OLEH ITU MARILAH KITA BERSAMA-SAMA MENGWUJUDKAN BUDAYA PENYELIDIKAN DI KALANGAN STAF AKADEMIK KITA. INSYA-ALLAH



DENGAN USAHA KITA MUNGKIN KITA AKAN DAPAT ANUGERAH PENYELIDIKAN ANTARABANGSA. BUAT SETAKAT INI KITA TELAH PUN MEMENANGI BEBERAPA ANUGERAH DAN TELAH PUN MENCAPAI NAMA DALAM GUINNESS BOOK OF RECORDS DALAM KERJA-KERJA IT.

KITA JUGA AKAN MENGANJURKAN PERSIDANGAN-PERSIDANGAN PENYELIDIKAN BERTARAF ANTARABANGSA DAN INI DENGAN SENDIRINYA MEMBUKA MASYARAKAT DUNIA TENTANG WUJUDNYA KUTKM.

BERBALIK KEPADA “CORE BUSINESS” KITA, KITA PERLU MENGHASILKAN PELAJAR YANG MERUPAKAN INSAN KAMIL ATAU “ALL-ROUND” STUDENT. BAGI MENCAPAI INI ANTARA PERKARA YANG PERLU DITEKANKAN DALAM PEMBENTUKAN KURIKULUM IALAH “SOFT SKILLS” ATAU “GENERIC SKILLS”.

SELAIN DARI USAHA KITA UNTUK MEMPERTINGKATKAN KEMAHIRAN BERBAHASA INGGERIS DI KALANGAN PELAJAR KITA JUGA PERLU MEMPERTINGKATKAN KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI DI KALANGAN PELAJAR KITA. SETIAP MATAPELAJARAN PERLU MENANGANI KELEMAHAN INI DENGAN MENGGALAKAN PELAJAR BERKOMUNIKASI DENGAN BAIK. PELAJAR PERLU DILATIH UNTUK BERBINCANG TOPIK-TOPIK BERKAITAN KERJA AMALI MEREKA, MEMPERSEMBAHKAN HASIL KERJA DAN TUGASAN MEREKA SECARA LISAN DAN BERSIKAP LEBIH AKTIF LAGI DALAM SESI-SESI P-A-O (PRACTICE AND APPLICATION ORIENTAD) MEREKA. BEGITU JUGA PENEKANAN DAN PERHATIAN SERIUS PATUT DIBERI KEPADA CARA MEREKA MENULIS LAPORAN PENDEK DAN PANJANG SUPAYA KEGIATAN MENINGKATKAN KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI PELAJAR SENTIASA DIAWASI DAN DIBAIKI.

MULAI TAHUN 2005 SESI 2005/2006 SEMUA MATAPELAJARAN KEJURUTERAAN, SAINS DAN METEMATIK AKAN DIKENDALIKAN DALAM BAHASA INGGERIS DAN STAF AKADEMIK JUGA SEPATUTNYA BERSEDIA UNTUK MENGHADAPI CABARAN INI.

SELAIN DARI ITU JUGA PELAJAR KITA SEHARUSNYA DILATIH SUPAYA MEMIKIR SECARA KRITIS DAN SAYA INGIN SARANKAN SUPAYA MATAPELAJARAN ETIKA KEJURUTERAAN DITITIK BERATKAN DI MANA PELAJAR-PELAJAR KITA AKAN BERBINCANG ISU-ISU ETIKA DENGAN DIPIMPIN OLEH SEORANG PENGAJAR ATAU JURUTERA YANG BERPENGALAMAN. SAYA CADANGKAN SUPAYA MATAPELAJARAN ETIKA INI DIKELOLAI OLEH DEKAN ATAU SEORANG PENSYARAH SENIOR.

TIDAK LUPA JUGA, KITA PERLU MENDEDAHKAN PELAJAR KITA KEPADA KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN SUPAYA

MEREKA AKHIRNYA DAPAT BERDIKARI DAN BOLEH MENJANA PEKERJAAN SECARA SENDIRI DAN UNTUK MEMBUKA PELUANG-PELUANG PEKERJAAN YANG LEBIH BANYAK LAGI.

PELAJAR DAN JUGA STAF PERLU MELIBATKAN DIRI DALAM PROGRAM-PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT KERANA INI JUGA AKAN MEMBUKTIKAN KOMITMEN KITA TERHADAP MASYARAKAT NEGARA AMNYA DAN MASYARAKAT MELAKA KHUSUSNYA.

DARI SEGI PEMBANGUNAN PRASARANA, SALAH SATU OBJEKTIF KUTKM IALAH UNTUK MEMBINA SEBUAH KAMPUS YANG SERBA LENGKAP DENGAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN TERKINI YANG AKAN DISENANGI OLEH SEMUA WARGA KUTKM TERMASUK PARA PELAJAR.



DISINI SAYA INGIN MERAKAMKAN BERBANYAK TERIMA KASIH KEPADA SEMUA YANG TELAH BERTUNGKUS LUMUS MENYEDIAKAN PLAN DAN SEBAGAINYA BAGI MEMASTIKAN KAMPUS BARU KITA AKAN MENJADI MERCU TANDA DAN KEBANGGAAN NEGERI SERTA MENJADI PUSAT PENDIDIKAN PILIHAN UTAMA. INSYA-ALLAH PADA BULAN OKTOBER 2004 NANTI KITA AKAN BERGERAK KE KAMPUS TETAP KITA.

SELAIN DARI ITU FAKULTI-FAKULTI PERLU MEWUJUDKAN KURSUS-KURSUS YANG DAPAT MEMBANTU MASYARAKAT SEPERTI CELEK IT DAN SEBAGAINYA. INI MERUPAKAN SATU SUMBANGAN KUTKM KEPADA RAKYAT MELAKA AMNYA.

#### **PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**

- 1) 70% STAFF BERPHD PADA 2010
- 2) 40% STAF AKADEMIK DAPAT IR BY 2010

- 3) PENGENALAN BUDAYA RESULT ORIENTATION, COST EFFECTIVENESS DAN TIME MANAGEMENT
- 4) MINIMUM TRAINING EXPOSURE FOR STAFF PROBABLY 40 HOURS PER WEEK

#### **PENGIKTIRAFAN**

- 1) PILIHAN PERTAMA CALON PENDIDIKAN TINGGI
- 2) BUDAYA KERJA YANG PROGRESIF
- 3) MENDAPAT PERSIJILAN ISO DAN YANG BERKAITAN

DIHARAPKAN MELALUI PENGLIBATAN DAN KERJASAMA YANG BERSTRATEGI, KUTKM AKAN MENJADI PUSAT RUJUKAN DAN KECEMERLANGAN INDUSTRI. KUTKM JUGA DAPAT MENYEDIAKAN

LATIHAN LANJUTAN SECARA BERTERUSAN KEPADA PIHAK INDUSTRI.

BUAT MASA INI KUTKM TELAH MENANDATANGANI BEBERAPA “MOU” DENGAN PIHAK INDUSTRI ANTARANYA DENGAN CUBIC ELECTRONIC (CREATIVE TECHNOLOGIES), MAYA ARTIFICIAL INTELLIGENCE SDN BHD DAN TIDAK LAMA LAGI (18/2/04) DENGAN DRB-HICOM, CTRM, ROBOMATIC, MRJ TECHNOLOGIES DAN KRU BERHAD. SEMUANYA INI IALAH UNTUK MASA DEPAN KUTKM DAN SAYA BERHARAP SEMUA WARGA KUTKM MEMASTIKAN BAHAWA KERJASAMA INI DIPENUHI DENGAN AKTIVITI-AKTIVITI YANG DAPAT DIMENAFKATI BERSAMA.

KUTKM JUGA TELAH BERUSAHA MENJALINKAN KERJASAMA DENGAN UNIVERSITI DAN PUSAT-PUSAT PENGAJIAN TINGGI LUAR NEGARA SUPAYA KUALITI PENDIDIKAN YANG DIJALANKAN DI KUTKM

TERJAMIN DAN DIAKUI OLEH PENILAI DAN PEMERIKSA DARI DALAM DAN LUAR NEGARA. DENGAN KERJASAMA YANG ADA KUTKM DAPAT MENGHANTAR KAKITANGANNYA KE INSTITUSI- INSTITUSI LUAR NEGARA INI UNTUK LATIHAN DAN UNTUK MELANJUTKAN PENGAJIAN DI PERINGKAT IJAZAH LANJUTAN. ANTARA UNIVERSITI-UNIVERSITI YANG TELAHPUN MENANDATANGANI MOU DENGAN KUTKM IALAH BERLIN TECHNICAL UNIVERSITY, UNIVERSITY OF COVENTRY, DAN KEMUNGKINAN BANYAK LAGI SEPERTI UNIVERSITI-UNIVERSITI DI NEGARA JERMAN, ACHEN UNIVERSITY, STUTTGART, MANNHEIM DAN UNIVERSITY DI AUSTRALIA SEPERTI MONASH, RMIT DAN JUGA SWINBURNE UNIVERSITY OF TECHNOLOGY, JUGA UNIVERSITI DI NEGARA JEPUN SEPERTI WASEDA UNIVERSITY DAN SEBAGAINYA. SEMUA INI DILAKSANAKAN SUPAYA KUTKM BUKAN SAHAJA DIKENALI OLEH MASYARAKAT ANTARABANGSA TETAPI JUGA MEMBUKA PELUANG BAGI STAF MENDAPAT KERJASAMA DAN LATIHAN DARI PIHAK-



PIHAK YANG BERPENGALAMAN. LAGI SEKALI SAYA MENYERU SUPAYA STAF MENGAMBIL PELUANG YANG TERBUKA DAN MENGGERAKKAN AKTIVITI-AKTIVITI KERJASAMA SUPAYA KITA DAPAT MENCAPAI SESUATU DALAM MASA YANG TERSINGKAT INI.

KITA JUGA PERLU WUJUDKAN KURSUS-KURSUS EKSEKUTIF DIMANA PEGAWAI-PEGAWAI DARI INDUSTRI DAPAT MELANJUTKAN PENGAJIAN ATAU KEPAKARAN MEREKA SECARA BERTERUSAN. KITA JUGA PERLU MEMPERGIATKAN LAGI PENYAMPAIAN KURSUS KITA MELALUI KAEDAH WEB-BASED DAN SECARA ELEKTRONIK.

### **PENGUKUHAN IDENTITI KUTKM**

KITA PERLU MENETAPKAN SASARAN DAN STRATEGI JANGKA PENDEK, SEDERHANA DAN PANJANG KITA BERDASARKAN VISI, MISI DAN

OBJEKTIF KITA YANG SEDIA ADA. KEMUDIAN KITA PERLU JELASKAN BAGAIMANA DAN BILA KITA HENDAK MENCAPAI SASARAN BERKENAAN.

DI DALAM HAL INI KITA SEMUA SEDAR BAHAWA MEMBUAT PERANCANGAN STRATEGIK ADALAH MEMBUAT PERANCANGAN DAN PENGURUSAN UNTUK MENCAPAI KUALITI DAN KEPUTUSAN YANG TERBAIK. IANYA ADALAH SUATU PROSES YANG MEMERLUKAN PENGLIBATAN DAN SOKONGAN SERTA KERJASAMA SEMUA PIHAK BAIK DARI PIHAK ATASAN MAHUPUN BAWAHAN.

DAN YANG PALING PENTING KITA PERLU MENEKANKAN DAN MEMBERI PERHATIAN YANG SERIUS KEPADA KEHENDAK DAN KEPUASAN PELANGGAN, PEMEGANG SAHAM DAN PEMBUAT DASAR DALAM MEREALISASIKAN VISI, MISI DAN OBJEKTIF KUTKM.

JADI, PERKARA-PERKARA INI PERLU KITA SEMUA FIKIRKAN DAN AMBIL KIRA KETIKA PERBINCANGAN KITA SELEPAS INI SUPAYA TIDAK ADA PERKARA YANG TERTINGGAL DI DALAM KITA MERANGKA PERANCANGAN STRATEGIK KITA NANTI.

SIDANG HADIRIN SEKALIAN,

DI SINI SAYA INGIN MELONTARKAN BEBERAPA PERSOALAN PENTING UNTUK DIPERBINCANG, DIPERDEBAT DAN AKHIRNYA DITERJEMAHKAN KE DALAM SATU TINDAKAN YANG KONKRIT.

PERKARA PERTAMA YANG INGIN SAYA SENTUH ADALAH MENGENAI PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA. SEPERTI YANG KITA MAKLUM, SUMBER YANG PALING UTAMA DI DALAM SESEBUAH ORGANISASI BUKANLAH MESIN DAN PERALATAN

YANG CANGGIH. BUKAN JUGA PERUNTUKAN DAN WANG YANG BANYAK.

YANG PALING UTAMA DAN MUSTAHAK DI DALAM SESEBUAH ORGANISASI ITU ADALAH SUMBER MANUSIANYA. DI DALAM HAL INI, SUDAH MENJADI DASAR DI KUTKM BAHAWA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA MESTILAH DIRANCANG DENGAN TELITI SUPAYA PELANGGAN KITA, IAITU PELAJAR AKAN SENTIASA MENDAPAT KUALITI PERKHIDMATAN YANG BERMUTU DAN BERKUALITI.

TANPA MENGENEPIKAN KEPENTINGAN STAF PENTADBIRAN, KITA PERLU AKUR BAHAWA “CORE BUSINESS” KUTKM YANG MENJURUS KEPADA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN MEMERLUKAN KITA MEMPUNYAI TENAGA PENGAJAR YANG BERKELAYAKAN DAN BERKEMAHIRAN TINGGI.



DI PERINGKAT JABATAN PENDIDIKAN TINGGI SENDIRI, SUDAH ADA SATU SASARAN YANG PERLU DICAPAI DI MANA IPTA-IPTA DIKEHENDAKI UNTUK MEMPUNYAI TENAGA PENGAJAR YANG MEMEGANG PH.D PADA TAHAP 75% MENJELANG TAHUN 2010.

WALAU BAGAIMANAPUN, MEMANDANGKAN KUTKM SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI YANG BARU, SASARAN REALISTIK YANG KITA INGIN CAPAI ADALAH MENJELANG TAHUN 2015 ADALAH MEMPUNYAI TENAGA PENGAJAR YANG MEMEGANG PH.D PADA TAHAP 80% DARIPADA TENAGA AKADEMIK YANG KITA ADA.

JUSTERU ITU, SAYA MAHU PIHAK PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DENGAN KERJASAMA FAKULTI DAN PUSAT MERANCANG DENGAN CARA YANG SISTEMATIK DAN TERANCANG BAGAIMANA KITA HENDAK MENCAPAI SASARAN INI. INI PENTING KERANA SALAH SATU ASPEK YANG DIAMBIL KIRA

DI DALAM PENJAMINAN KUALITI DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN ADALAH MENGENAI PERKARA INI.

SAYA TIDAK MAHU MASALAH KEKURANGAN STAF AKADEMIK MENJADI ALASAN UNTUK TIDAK MENGHANTAR MEREKA MENYAMBUNG PENGAJIAN MEREKA KE PERINGKAT YANG LEBIH TINGGI KERANA INI AKAN MEMBANTUTKAN HASRAT KITA UNTUK MENCAPAI SASARAN YANG TELAH KITA TETAPKAN.

INI KERANA SAYA BERPENDAPAT BAHAWA PERKARA INI PENTING MEMANDANGKAN MENJADI MATLAMAT KITA JUGA UNTUK MELAHIRKAN GRADUAN YANG CEMERLANG DAN SEIMBANG. OLEH ITU, MEMPUNYAI BILANGAN TENAGA PENGAJAR YANG BERKELAYAKAN TINGGI DAN TERLATIH MAMPU MENJADI ASAS YANG KUAT BAGI MENYOKONG HASRAT INI.

PADA MASA YANG SAMA, KITA MAHU MEMBENTUK SATU SISTEM AKADEMIK YANG MANTAP DAN BERKUALITI YANG AKHIRNYA MELAHIRKAN GRADUAN-GRADUAN YANG BAIK, BERMUTU DAN SEIMBANG SERTA DITERIMA OLEH PASARAN KERJA.

SEPERTI YANG SAYA TEKANKAN SEBELUM INI, KITA BERHASRAT MEMPUNYAI BILANGAN PELAJAR SERAMAI 15 000 ORANG MENJELANG TAHUN 2010, DI MANA 10 000 DARIPADANYA ADALAH PERINGKAT IJAZAH PERTAMA, 3 000 DI PERINGKAT DIPLOMA DAN 2 000 DI PERINGKAT PASCASISWAZAH.

JADI, UNTUK MENGHASILKAN GRADUAN YANG SEIMBANG DAN BERKUALITI SEPERTI YANG KITA SASARKAN KEPERLUAN KEPADA TENAGA AKADEMIK YANG BERKELAYAKAN TINGGI DAN TERLATIH ADALAH SESUATU YANG KITA TIDAK DAPAT ELAKKAN.

HAL INI PERLU DITELITI OLEH SETIAP FAKULTI SUPAYA SETIAP PENAWARAN PROGRAM-PROGRAM AKADEMIK MENGAMBIL KIRA KEPENTINGAN MELAHIRKAN GRADUAN YANG SEIMBANG DAN BERMUTU APABILA MERANGKA PROGRAM-PROGRAM INI DI MASA HADAPAN.

KITA JUGA TIDAK MAHU MELAHIRKAN GRADUAN YANG HANYA MAMPU UNTUK BERSAING DI PERINGKAT "LOCAL" TETAPI KALAU BOLEH DI PERINGKAT GLOBAL.

SIDANG HADIRIN SEKALIAN,

BAGI MENYOKONG "CORE BUSINESS" KITA DI DALAM BIDANG PERKHIDMATAN PENDIDIKAN, PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN YANG MANTAP JUGA MENJADI KEUTAMAAN. INI KERANA PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN YANG CEKAP,



SISTEMATIK DAN BERKESAN AKAN MENJAMIN KUALITI KERJA YANG CEMERLANG.

BAGI MEMASTIKAN PERKARA INI BERLAKU, SATU SISTEM PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN YANG SEDEMIKIAN HARUS DIRANGKA DENGAN MEMBERIKAN PERHATIAN KEPADA PROSES KERJA, STRUKTUR JABATAN DAN FAKULTI SERTA KEKUATAN STAF YANG ADA BAGI MENJAMIN KUALITI YANG DIKEHENDAKI.

DALAM HAL INI, PENYEDIAAN MANUAL PROSEDUR KERJA (MPK) DAN FAIL MEJA (FM) HARUS MENJADI KEUTAMAAN. INI KERANA IA MENYEDIAKAN KITA DENGAN GARIS PANDUAN YANG JELAS DAN SISTEMATIK TENTANG SASARAN KERJA, PROSES KERJA DAN RUANG LINGKUP TANGGUNGJAWAB KITA DALAM MELAKSANAKAN TUGAS.

SUKA SAYA INGATKAN DI SINI, BAHAWA KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN INI BUKAN HANYA TERLETAK DI BAWAH TANGGUNGJAWAB PEJABAT PENDAFTAR SEMATA-MATA. IANYA MELIBATKAN JUGA BAHAGIAN-BAHAGIAN LAIN DI DALAM KUTKM YANG AKAN MENYOKONG USAHA MELAHIRKAN DAN MEMBANGUNKAN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN YANG BERMUTU.

BIDANG KEWANGAN UMPAMANYA, PERLU DIBERIKAN PERHATIAN YANG SERIUS, KERANA MELIBATKAN BANYAK PIHAK DARI DALAM MAHUPUN DARI LUAR. JUSTERU, SATU SISTEM PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN KEWANGAN YANG MANTAP PERLU DIBANGUNKAN SUPAYA IANYA TELUS, EFISIEN DAN JELAS KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERBABIT MENGGUNAKANNYA.

SIDANG HADIRIN SEKALIAN,

SELAIN DARIPADA MEMBANGUNKAN SISTEM PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN YANG BERKESAN, KITA JUGA PERLU MEREKOD DAN MENDOKUMENTASIKAN SEGALA KERJA YANG KITA LAKUKAN SUPAYA IANYA BOLEH DIJADIKAN RUJUKAN DI MASA-MASA AKAN DATANG.

SEBAGAI CONTOH, PROJEK PEMBANGUNAN KAMPUS TETAP KUTKM DI DURIAN TUNGGAL YANG SEDANG BERJALAN SEKARANG PELU DIDOKUMENTASIKAN DENGAN LENGKAP SUPAYA IANYA BOLEH DIJADIKAN RUJUKAN KEPADA PEMBANGUNAN – PEMBANGUNAN SETERUSNYA DI KUTKM.

KITA TIDAK MAHU TERPERANGKAP DENGAN KEADAAN KETIADAAN MAKLUMAT SEKIRANYA DIPERLUKAN DISEBABKAN KELALAIAN ATAUPUN KETIDAKPEKAAN KITA TERHADAP KEPERLUAN UNTUK MEREKOD DAN MENYIMPAN MAKLUMAT

MENGENAI AKTIVITI-AKTIVITI YANG TELAH, SEDANG DAN AKAN KITA JALANKAN.

PERKARA INI JUGA MERUJUK KEPADA SEMUA JABATAN, FAKULTI, PUSAT DAN UNIT DI KUTKM KERANA SAYA SEDAR BAHAWA BUDAYA KITA TENTANG DOKUMENTASI DAN REKOD MASIH LAGI PADA TAHAP YANG KURANG MEMBANGGAKAN.

SIDANG HADIRIN SEKALIAN,

KITA BOLEH DAN MAMPU MENCAPAI APA YANG KITA SASARKAN INI SEKIRANYA KITA SEMUA MEMBERIKAN PENEKANAN YANG SERIUS KEPADA PENCAPAIAN KUALITI YANG TINGGI. KUALITI DI SISNI BERMaksud MELAKUKAN SESUATU ITU DENGAN CARA YANG TERBAIK DAN HASIL YANG JUGA TERBAIK.



JUSTERU ITU, SAYA MENYERU AGAR SEMUA YANG TERLIBAT UNTUK MERANGKA PELAN STRATEGIK KUTKM SELAMA EMPAT HARI INI AKAN MENERAPKAN KONSEP “TOTAL QUALITY MANAGEMENT” ATAU TQM DI DALAM SETIAP PERKARA YANG INGIN DILAKSANAKAN.

INI KERANA APABILA KITA MENGAMALKAN KONSEP TQM INI, IANYA TIDAK HANYA MELIHAT DARI KEPERLUAN KITA SEMATA-MATA TETAPI JUGA MELIHAT KEPADA KUALITI YANG DITUNTUT OLEH SEMUA “CLIENT” DAN “STAKEHOLDERS” YANG TERLIBAT DENGAN KITA.

SEKIRANYA INI BERJAYA DITERAPKAN SAYA PERCAYA KITA AKAN MEMBERIKAN NILAI TAMBAH ATAUPUN “ADDED VALUE” DALAM PERKHIDMATAN PENDIDIKAN KITA KEPADA KUMPULAN SASARAN KITA. INI MEMBOLEHKAN KITA MEMPUNYAI “COMPETITIVE EDGE” UNTUK BERSAING DI ARENA

GLOBAL DENGAN UNIVERSITI-UNIVERSITI ANTARABANGSA YANG LAIN.

UNTUK ITU, LANGKAH AWAL YANG TELAH KITA AMBIL ADALAH DENGAN MENUBUHKAN UNIT PENJAMINAN KUALITI YANG DIKETUAI OLEH PROF. DR. MOKHTAR YUSOF BAGI MELIHAT KESELURUHAN ASPEK KUALITI DI KUTKM SUPAYA IANYA SELARAS DENGAN HASRAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN DAN KERAJAAN.

DAN UNTUK MAKLUMAN SEMUA, KITA JUGA BERCADANG UNTUK MENDAPATKAN PERSIJILAN MS ISO 9000 : 2002 MENJELANG TAHUN 2005 DAN SEMUA PIHAK DI KUTKM PERLU MENYUMBANGKAN USAHA KE ARAH INI.

SELAIN DARIPADA ITU, “BENCHMARKING” ATAU PENANDAARASAN JUGA PERLU DILAKUKAN

SUPAYA KITA SENTIASA MENGUKUR DIRI KITA DENGAN UNIVERSITI-UNIVERSITI TIDAK KIRA DI DALAM MAHUPUN DI LUAR NEGARA.

WALAUPUN KITA SUDAH PUN MENGORAK LANGKAH KE ARAH ITU DENGAN MENGADAKAN KERJASAMA DENGAN BEBERAPA BUAH UNIVERSITI DI LUAR NEGARA SEPERTI DI JERMAN, DAN YANG TERBARU DENGAN UNIVERSITI COVENTRY PADA Hujung MINGGU INI, IANYA PERLU DIPERHEBATKAN LAGI KERANA KITA TIDAK BOLEH BERADA DI DALAM KEPOMPONG DAN STANDARD KITA SEMATA-MATA.

OLEH ITU AMAT PENTING BAGI KUTKM UNTUK MENJALINKAN HUBUNGAN KERJASAMA STRATEGIK DENGAN UNIVERSITI DAN INDUSTRI YANG LAIN BAGI MEMBOLEHKAN KITA MENGUKUR TAHAP PENCAPAIAN KITA BERBANDING PESAING-PESAING KITA.

DALAM HAL INI, PENUBUHAN PUSAT UNIVERSITI-INDUSTRI (UNIC) DIHARAPKAN DAPAT MERINTIS USAHA-USAHA KERJASAMA YANG LEBIH AKTIF DAN BERKESAN DENGAN UNIVERSITI DAN INDUSTRI YANG LAIN.

PENEKANAN YANG SETERUSNYA YANG PERLU DIBERIKAN PERHATIAN ADALAH KEPERLUAN KUTKM MENJADI SEBUAH “LEARNING ORGANISATION”. SEPERTI YANG SAYA SEBUTKAN DI AWAL UCAPAN SAYA TADI, GELOMBANG GLOBALISASI DAN LEDAKAN ICT MENGAKIBATKAN PELBAGAI PERUBAHAN BERLAKU DENGAN PANTAS SEKALI.

BAGI MENGHADAPI PELBAGAI PERUBAHAN INI, KITA PERLU SENTIASA “LEARN. RELEARN DAN UNLEARN” KERANA ILMU YANG KITA ADA PADA HARI INI MUNGKIN SUDAH TIDAK RELEVAN LAGI PADA ESOK HARI ATAUPUN PADA MASA AKAN



DATANG. OLEH ITU, KITA PERLU SENTIASA MENGEMASKINIKAN DIRI KITA DENGAN ILMU-ILMU DAN KEMAHIRAN-KEMAHIRAN YANG TERKINI.

DAN YANG AKHIR SEKALI ADALAH MELAKUKAN PROSES "REENGINEERING" SEKIRANYA MERASAKAN BAHAWA STRUKTUR ATAU KEKUATAN YANG SEDIA ADA PADA KITA SUDAH TIDAK LAGI DAPAT BERFUNGSI DENGAN BAIK DAN BERKESAN.

WALAUPUN SAYA SEDAR BAHAWA KITA MASIH LAGI BARU, TETAPI AKIBAT PERUBAHAN DAN PERKEMBANGAN YANG BEGITU PESAT YANG BERLAKU DI KUTKM DALAM TEMPOH TIGA TAHUN INI, MUNGKIN SUDAH ADA STRUKTUR-STRUKTUR YANG SUDAH KURANG SESUAI UNTUK TERUS DIGUNAKAN.

OLEH ITU, SAYA BERHARAP AGAR SETIAP JABATAN, FAKULTI, PUSAT DAN UNIT AGAR DAPAT MELIHAT SEMULA PERKARA INI DAN MENGAMBIL LANGKAH DAN TINDAKAN YANG SEWAJARNYA SUPAYA SATU STRUKTUR BARU DAPAT DIBENTUK.

INI PENTING KERANA SEBAGAI SEBUAH ORGANISASI KUTKM PERLU BEREVOLUSI SESUAI DENGAN KEHENDAK DAN TUNTUTAN MASA DAN ZAMAN.

DALAM PERKEMBANGAN PESAT KUTKM, ADA DI KALANGAN STAF YANG TIDAK BEKERJA DEMI KUTKM TETAPI BEKERJA DEMI KEHIDUPAN PERIBADI SEHINGGA MENGIKIS SEMANGAT SETIA KAWAN DAN BEKERJASAMA. ADA KALANGAN STAF YANG LEBIH BERSIFAT INDIVIDUALISTIK DAN TIDAK MENGAMBIL BERAT UNTUK BERSAMA-SAMA DALAM SETIAP PROGRAM YANG DIANJURKAN OLEH UNIVERSITI.

SELURUH WARGA KUTKM MESTI MEMPUNYAI TEKAD UNTUK MEREALISASIKAN MISI KUTKM MENJADI UNIVERSITI TERKEMUKA DI DUNIA. KITA MESTI MEMBUKA MATA DUNIA BAHAWA TERDAPAT SEBUAH UNIVERSITI YANG TERKEMUKA DI DUNIA YANG TERLETAK DI MELAKA. SEJARAH KEGEMILANGAN MELAKA AKAN BERULANG KEMBALI. SEMUA INI TIDAK MUSTAHIL. KITA PERLU BUKAN SAHAJA MENGEKALKAN KECEMERLANGAN SEDIA ADA, TAPI MEMBINA KECEMERLANGAN KE TAHAP YANG LEBIH TINGGI DENGAN BERORIENTASIKAN *MARKET-ORIENTED* UNTUK BOLEH MENANGANI PERSAINGAN SENGIT GLOBALISASI.

- A) MEMANTAPKAN KO-KURIKULUM BERORIENTASIKAN APLIKASI DAN AMALAN SERTA "SOFT-SKILLS" DENGAN MENGGABUNGAN CIRI-CIRI MORAL DAN ETIKA DI PERINGKAT

UNIVERSITI BAGI MEMENUHI KEHENDAK INDUSTRI;

- B) MEWUJUDKAN PERSEKITARAN ICT YANG DAPAT MEMBERI SUMBANGAN KE ARAH KECEMERLANGAN AKADEMIK DAN KECEKAPAN PENGURUSAN TERMASUK MENYELARASKAN PERANCANGAN PENGKOMPUTERAN SECARA MENYELURUH DAN BERSEPADU DI SETIAP UNIT OPERASI SUPAYA SEJAJAR DENGAN VISI DAN MISI UNIVERSITI;
- C) DI SAMPING MERANGKA DAN MEMPUNYAI SISTEM PENGURUSAN UNIVERSITI BERKOMPUTER YANG BERKESAN, PIHAK UNIVERSITI JUGA MEMASTIKAN 50 PERATUS MODUL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ADALAH DIBENTUK SECARA ELEKTRONIK MELALUI APLIKASI ICT



YANG DAPAT MEMENUHI KEHENDAK PASARAN SEMASA DAN MENJADI SUMBER RUJUKAN PIHAK LUAR;

- D) MEWUJUDKAN PENGURUSAN KEWANGAN DAN ASET YANG BERWIBAWA DAN INOVATIF DENGAN SIFAT-SIFAT AMANAH, TELUS LAGI PROFESIONAL;
- E) DASAR PERGANTUNGAN KEPADA KERAJAAN PERLU SECARA BERANSUR-ANSUR DIKURANGKAN DAN USAHA MENJANA KEWANGAN PERLU DILAKUKAN DENGAN MENGAJAI DASAR-DASAR TERTENTU BERKAITAN PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB UNIT-UNIT OPERASI BERKAITAN PERKARA INI;

## PENUTUP

SEBAGAI KESIMPULAN SAYA MENYERU DAN MELETAKKAN HARAPAN YANG BEGITU TINGGI KEPADA SEMUA STAF KUTKM UNTUK BEKERJASAMA MEMBANGUNKAN KUTKM SUPAYA :

- 1) MEJADI PUSAT PENDIDIKAN YANG TERULUNG DI NEGARA INI.
- 2) MELAKSANAKAN PENGAJIAN BERORIENTASIKAN AMALAN DAN APLIKASI SEBAIK MUNGKIN DAN MELAHIRKAN JURUTERA-JURUTERA "INDUSTRY RELEVANT" YANG AKAN MEMPERCEPATKAN LAGI WAWASAN KITA UNTUK MENCAPAI TARAF NEGARA MAJU.
- 3) MEMPERGIATKAN KERJA-KERJA PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN BERSAMA INDUSTRI

- 4) MENDAPATKAN PENGIKTIRAFAN DARI DALAM DAN LUAR NEGERI SEBAGAI UNIVERSITI TEKNIKAL YANG TERBAIK
- 5) MENDAPATKAN SIJIL-SIJIL JAMINAN KUALITI SEPERTI ISO 9000 DAN SEBAGAINYA.
- 6) SENTIASA BERUSAHA UNTUK MEMPERBAIKI PRESTASI KECEMERLANGAN YANG TELAH KITA TUNJUKKAN SELAMA 3 TAHUN PENUBUHAN INI.

UNTUK MENJADI INSTITUSI ATAU ORGANISASI YANG TERKEMUKA DAN HEBAT, ORGANISASI YANG BERKEMUKAAN MESTI MEMILIKI MINDA YANG HEBAT, PEMIKIRAN YANG HEBAT DAN BUDAYA ORGANISASI YANG MENGGALAKKAN PERBAHASAN HEBAT DAN TERARAH. LEBIH-LEBIH LAGI DALAM PERINGKAT GLOBAL TANPA SEMPADAN, PERKHIDMATAN BERKUALITI MESTI MERASAKAN KUASA ILMU PENGETAHUAN AKAN MENENTUKAN BENTUK PERSAINGANNYA.

OLEH ITU BERSEDIALAH UNTUK BERHADAPAN DENGAN IMPAK GLOBALISASI DAN BERSEDIALAH UNTUK BERSAING DI PERINGKAT GLOBAL UNTUK MENJADIKAN IMPIAN KITA SUATU KENYATAAN IAITU KUTKM YANG BERTARAF DUNIA.

FUNGSI DAN MAKSUD PENUBUHAN KUTKM

FAKTOR-FAKTOR YANG MENENTUKAN KUTKM BERUBAH

PERUBAHAN PERTAMA – FAKTOR KEPIMPINAN TENAGA PENGGERAK

4. A) SEBAGAI SEBUAH IPTA YANG BARU CABARAN YANG TELAH SEDIA TERBENTANG TERUTAMANYA KEPADA TENAGA-TENAGA PENGGERAKNYA IALAH UNTUK MENGURUSKAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN MENYELURUH KEPADA PEMBANGUNAN



SEBUAH IPTA YANG BARU TERMASUK TENAGA MANUSIA, KEWANGAN, PEMBANGUNAN, PROGRAM AKADEMIK, INFRASTRUKTUR DAN PELBAGAI LAGI KEPERLUAN.

- B) PENGURUSAN PERUBAHAN YANG PERTAMA TELAH PUN DILAKUKAN OLEH TENAGA-TENAGA PENGGERAK KUTKM YANG BERKENAAN TERUTAMANYA DALAM MENGUBAH KAEDAH DAN PENDEKATAN KEPIMPINAN DI DALAM SEBUAH ORGANISASI IPT YANG BARU DAN BERMULA DENGAN TIADA PUNYAI APA-APA KECUALI KEBIJAKSANAAN MEMIMPIN PERUBAHAN.

#### PERUBAHAN SEMASA FAKTOR LUARAN

5. A) SEBAGAI BARISAN KEPIMPINAN UNIVERSITI MESTILAH DAPAT MERUJUK KEPADA PERKEMBANGAN SEMASA BERHUBUNG DENGAN PENGURUSAN PERUBAHAN DALAM KONTEKS IPTA MASA KINI. INI AMAT PENTING KERANA IA MEMBERI IMPLIKASI SECARA LANGSUNG KEPADA SESEBUAH UNIVERSITI ITU UNTUK TERUS RELEVAN DENGAN MATLAMAT PENUBUHANNYA.
- B) FAKTOR PERUBAHAN PALING PENTING KE ATAS IPTA MASA KINI IALAH SISTEM PENGURUSANNYA YANG SEMAKIN KOMPLEKS. TADBIR URUS YANG BAIK (*GOOD GOVERNANCE*) SEMAKIN MENUNTUT KEPENTINGAN PENGURUSAN PERUBAHAN DILAKUKAN DI SEMUA IPTA BAGI

MENANGANI SEGALA BENTUK CABARAN SAMA ADA BERBENTUK DALAMAN ATAUPUN LUARAN. FAKTOR-FAKTOR BERIKUT :

- I) *THE IMPACT OF GLOBALIZATION;*
- II) *THE RAPID DEVELOPMENT OF INFORMATION TECHNOLOGY;*
- III) *THE EMERGENCE OF PRIVATE HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS;*
- IV) *THE MASSIVE DEVELOPMENT IN THE MALAYSIAN ECONOMY;*
- V) *THE STRONGER EMPHASIS ON DEVELOPING SCIENCE AND TECHNOLOGY CULTURE;*
- VI) *THE DEGREE TO WHICH KNOWLEDGE ITSELF HAS BECOME THE KEY DRIVING*

*FORCE IN DETERMINING ECONOMIC PROSPERITY;*

- VII) *NATIONAL SECURITY;*
- VIII) *SOCIAL WELL-BEING; DAN THE GREATER EMPHASIS ON ACCOUNTABILITY FOR THE GOVERNMENT FUNDING.*

MENJADI FAKTOR UTAMA YANG MEMBAWA PERUBAHAN KEPADA SENARIO BARU DALAM SISTEM PENDIDIKAN TINGGI NEGARA MASA KINI.

6. A) *PENDEMOKRASIAN (DEMOCRATION)*  
SISTEM PENDIDIKAN TINGGI NEGARA TELAH MERUBAH SENARIO BARU DENGAN PENINGKATAN MENDADAK PERMINTAAN KEPADA PENDIDIKAN TINGGI DI NEGARA INI SAMA ADA DARI DALAM DAN LUAR NEGARA. PENUBUHAN IPTA (TERMASUK KUTKM)



DAN IPTS TELAH MEWUJUDKAN PERSAINGAN DALAM PELBAGAI BENTUK (PENGAMBILAN PELAJAR, PENGURUSAN SUMBER MANUSIA, PROGRAM-PROGRAM AKADEMIK, KUALITI, PENANDA ARASAN DSB.) PERSAINGAN-PERSAINGAN INI MEMAKSA UNIVERSITI MESTI MELAKUKAN PERUBAHAN JIKA IA INGIN TERUS RELEVAN DENGAN PERKEMBANGAN YANG BERLAKU.

- B) PENGANTARABANGSAAN JUGA MEMAKSA UNIVERSITI-UNIVERSITI BERSAING UNTUK MENCAPAI TARAF DUNIA. UNTUK ITU PERUBAHAN BERTERUSAN MESTI DILAKUKAN OLEH KEPIMPINAN UNIVERSITI.
- C) PERUBAHAN EKONOMI DAN SOSIO-BUDAYA TELAH MENIMBULKAN

KESEDARAN YANG TINGGI KEPADA MASYARAKAT UNTUK MEMPEROLEHI ILMU PENGETAHUAN KE TAHAP TERTINGGI. PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT KINI SEMAKIN TERBUKA DAN DASAR-DASAR IPTA / IPTS PERLU BERUBAH SELARI DENGAN PERKEMBANGAN TERSEBUT.

- D) PENGUKURAN KEPADA KECEMERLANGAN PRESTASI UNIVERSITI MASA KINI BUKAN SAHAJA MERUJUK KEPADA KUALITI DAN "WELL-DESIGNED" PROGRAM-PROGRAM AKADEMIKNYA, TETAPI UNIVERSITI DILETAKKAN TANGGUNGJAWAB PENTING UNTUK MELAHIRKAN "VERY KNOWLEDGEABLE AND WELL-ROUNDED STUDENTS; PERHAPS WITH GREATER EMPHASIS ON INFORMATION TECHNOLOGY KNOWLEDGE, AND A

*BALANCED PERSONALITY*; SUDAH SEMESTINYA DALAM KONTEKS SEDEMIKIAN, KEPIMPINAN PENGURUSAN UNIVERSITI MESTI MENGAMBIL INISIATIF “*TO REVIEW AND REPRIORITISE*” MISI DAN OBJEKTIF ORGANISASI.

- E) BERDASARKAN PERKEMBANGAN DAN PERUBAHAN-PERUBAHAN DI ATAS, KEPIMPINAN UNIVERSITI JUGA PERLU “RE-ENGINEER” PROGRAM-PROGRAM AKADEMIK DAN MENAWARKAN PROGRAM-PROGRAM BARU UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN PASARAN. LEBIH PENTING DARIPADA ITU IALAH GRADUAN YANG DIKELUARKAN OLEH UNIVERSITI DAPAT DITERIMA OLEH SETIAP SEKTOR EKONOMI.
- F) BAGI MEMASTIKAN KEJAYAAN DICAPAI KE ATAS PERUBAHAN-PERUBAHAN

YANG DILAKUKAN DI ATAS SUDAH SEMESTINYA UNIVERSITI DIKEHENDAKI/DISYARATKAN MEMPUNYAI STAF-STAF AKADEMIKNYA DENGAN KELAYAKAN AKADEMIK TERTINGGI SERTA KOMITMEN YANG TINGGI KEPADA PROSES PENGAJARAN, PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN. DALAM “PERSAINGAN SENGIT” UNTUK MENDAPATKAN DAN MEREBut STAF-STAF YANG MEMILIKI KEWIBAWAAN SEDEMIKIAN, IA MENCABAR KEPIMPINAN UNIVERSITI UNTUK MENANGANI PERMASALAHAN INI DEMI MEMASTIKAN KEJAYAAN MENDAPATKAN STAF-STAF YANG BENAR-BENAR BERKELAYAKAN DAN BERWIBAWA.

- G) KINI AMAT JELAS BAHAWA KEPIMPINAN PERUBAHAN KEPADA PENGURUSAN



UNIVERSITI AMATLAH PENTING DENGAN MENINGKATNYA PERSAINGAN DI ANTARA UNIVERSITI YANG BERLAKU SAMA ADA DI DALAM NEGARA ATAUPUN DI PERINGKAT ANTARABANGSA BERIKUTAN OLEH FAKTOR-FAKTOR PERUBAHAN YANG TELAH DINYATAKAN DI ATAS.

- A) PERKEMBANGAN SEMASA DI ATAS TELAH MEMAKSA IPTA UNTUK MENGHALA KEPADA PERUBAHAN. MALAH KERAJAAN TURUT TERPAKSA MELAKSANAKAN STRATEGI-STRATEGI PEMBAHARUAN-PEMBAHARUAN DALAM MENANGANI PERUBAHAN TERSEBUT TERMASUK;
- I) ENACTING NEW LEGISLATION;
  - II) UNIVERSITY CORPORATISATION AND AUTONOMY

- III) ENTRY OF PRIVATE UNIVERSITY AND THE INTRODUCTION OF "TWINNING PROGRAMMES".

IPTA SEBAGAI INSTITUSI "MENARA GADING" YANG MEMBUDAYAKAN KECEMERLANGAN ILMU PENGETAHUAN MESTI MEMBUKTIKAN MEREKA BERUPAYA BERTINDAK-BALAS (RESPOND) SEGERA MENANGANI PERUBAHAN-PERUBAHAN TERSEBUT DI ATAS.

- B) DENGAN TERTAKLUK KEPADA STRATEGI-STRATEGI PEMBAHARUAN KERAJAAN DI ATAS, KEPIMPINAN UNIVERSITI MESTI MENGGERAKKAN ARUS PERUBAHAN SECARA ORGANISASI KEPADA ;
- I) *BETTER UNIVERSITY GOVERNANCE;*
  - II) *FINANCIAL MANAGEMENT AND ACCOUNTABILITY*

III) *HIGH QUALITY ACADEMIC PROGRAMMES (CULTURE OF ACADEMIC EXCELLENCE); DAN*

IV) *AN ENHANCED (STRENGTHENING) RESEARCH CAPABILITY.*

TERMASUK CABARAN BESAR KEPADA KEPIMPINAN UNIVERSITI IALAH UNTUK "SUSTAIN THE COMMITMENT OF THE ACADEMIC COMMUNITY TOWARDS THIS CHANGE".

8. KUTKM WALAUPUN KEWUJUDANNYA AMAT BARU DI DALAM SISTEM PENDIDIKAN TINGGI NEGARA, "KEKERDILANNYA" TETAP TIDAK BOLEH MELARIKAN DIRINYA DARIPADA TERPAKSA MENGHARUNGI JUGA GELOMBANG PERUBAHAN BESAR YANG BERLAKU KERANA IA TETAP SEBAHAGIAN DARIPADA PERUBAHAN TERSEBUT. DEMI

"SURVIVAL" KUTKM MESTI "BERJIWA BESAR" UNTUK TERUS MENANGANI PERUBAHAN.

#### **PERUBAHAN SEMASA FAKTOR DALAMAN**

9. DENGAN FAKTOR-FAKTOR LUARAN SEPERTI DIJELASKAN DI ATAS TELAH MENENTUKAN KUTKM PERLU BERUBAH, FAKTOR-FAKTOR DALAMAN JUGA TURUT MEMPENGARUHI KUTKM TERUS BERUBAH. FAKTOR-FAKTOR DALAMAN IALAH SEPERTI BERIKUT :-

A) KUTKM BARU DITUBUHKAN DAN MASIH BELUM DIKENALI SECARA MENYELURUH DI PERINGKAT NEGERI, NEGARA DAN JUGA ANTARABANGSA;

B) TAFSIRAN KEPADA STATUS NAMA KOLEJ UNIVERSITI BERBANDING UNIVERSITI YANG MENIMBULKAN KEKELIRUAN. TANGGAPAN UMUM MELETAKKAN STATUS KOLEJ



UNIVERSITI SEBAGAI UNIVERSITI  
KELAS KEDUA BERBANDING  
UNIVERSITI SEBAGAI KELAS PERTAMA;

- C) TIDAK MENJADI PILIHAN CALON-CALON  
PELAJAR YANG BERKELULUSAN  
CEMERLANG MERUJUK KEPADA  
FAKTOR SEPerti DI (A) DAN (B) DI  
ATAS;
- D) RATA-RATA STAF KUTKM ADALAH  
BARU, TANPA PENGALAMAN BEKERJA  
DAN BARU MENGENALI "NATURE"  
BEKERJA DI SEBUAH INSTITUSI  
PENDIDIKAN TINGGI;
- E) TAHAP KELAYAKAN AKADEMIK DAN  
KEPAKARAN TENAGA AKADEMIK DI  
PERINGKAT MINIMUM. KESUKARAN  
MENDAPAT TENAGA PENGAJAR /  
AKADEMIK YANG BERPENGALAMAN  
SEKURANG-KURANGNYA MEMILIKI  
KELULUSAN PH.D TERUTAMA DALAM

BIDANG YANG KRITIKAL SEPerti  
KEJURUTERAAN MENDORONG KUTKM  
TERPAKSA MENERIMA BEKERJA STAF  
AKADEMIKNYA YANG MEMILIKI  
KELAYAKAN AKADEMIK YANG PALING  
MINIMUM DI PERINGKAT SARJANA  
SEPerti DITENTUKAN OLEH SKIM  
PERKHIDMATAN;

- F) INFRASTRUKTUR PEMBELAJARAN DAN  
PENGAJARAN YANG TIDAK KONDUSIF  
DISEBABKAN OLEH PENEMPATAN  
KAMPUS SEMENTARA KUTKM DI  
DERETAN RUMAH-RUMAH KEDAI YANG  
PERLU DIUBAHSUAI UNTUK TUJUAN  
PEMBELAJARAN;
- G) KURANGNYA PERANAN DAN  
PENGLIBATAN SEKTOR SWASTA  
TERUTAMANYA INDUSTRI-INDUSTRI  
DALAM MEMBANTU MEMAJUKAN  
TAHAP PEMBANGUNAN PROGRAM

AKADEMIK DI KUTKM TERUTAMANYA DALAM KONTEKS KERJASAMA PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DAN LATIHAN INDUSTRI. PERUBAHAN PERLU DILAKUKAN BAGI MEMASTIKAN HUBUNGAN SEKTOR SWASTA DENGAN KUTKM DAPAT DILAKUKAN DENGAN JALINAN KERJASAMA YANG BENAR-BENAR KUKUH DAN SERIUS; DAN

- H) KURANGNYA AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) OLEH KUTKM TURUT MENJEJASKAN PRESTASI KUTKM SEBAGAI PUSAT KEILMUAN YANG SEHARUSNYA MEMIMPIN PENEMUAN BARU DAN PENGEMBANGAN ILMU PENGETAHUAN.

PERANCANGAN UNTUK MENANGANI PERUBAHAN DISEBABKAN OLEH FAKTOR LUARAN

MELAKSANAKAN PERANCANGAN STRATEGI

10. A) KUTKM MESTI MELAKUKAN PENGURUSAN PERANCANGAN PELAN STRATEGIK SUPAYA DAPAT MEMBANGUNI SECARA TERANCANG DAN OPTIMAL DALAM PERSEKITARAN YANG SEMAKIN MENCABAR. IA AKAN MENGHASILKAN SUATU PROSES PERANCANGAN FORMAL DAN PENGURUSAN YANG MENGHUBUNG KESEMUA OPERASINYA PADA SUATU KAEDAH, MATLAMAT SERTA MISI ORGANISASI DENGAN PERSEFAHAMAN, PERSETUJUAN



DAN SOKONGAN SELURUH  
WARGA ORGANISASI DENGAN;

- I) MENGENAL PASTI DAN  
MENETAPKAN DENGAN  
JELAS OBJEKTIF DAN  
MATLAMAT UTAMA KUTKM  
SELARAS DENGAN TUJUAN  
PENUBUHANNYA;
- II) MENETAPKAN STRATEGI  
BAGAIMANA DAN  
CARAMANA MATLAMAT  
ORGANISASI YANG  
DITETAPKAN OLEH KUTKM  
DAPAT DICAPAI DENGAN  
MENGESAN, MEMAHAMI  
DAN MENDALAMI FAKTOR-  
FAKTOR LUARAN DAN  
DALAMAN SEPERTI  
KENYATAAN-KENYATAAN  
TERDAHULU DAN Mencari

JALAN BAGI  
MENYELESAIKANNYA;

- III) MENGENAL PASTI SERTA  
MENETAPKAN KEUTAMAAN  
(*PRIORITIES*) DALAM  
MELAKSANAKAN  
PERANCANGAN DALAM  
MENANGANI PERUBAHAN  
SELARAS DENGAN  
MATLAMAT KUTKM DAN  
FAKTOR-FAKTOR  
PERSEKITARAN; DAN
- IV) MENGENAL PASTI  
PELUANG-PELUANG BARU  
SERTA MENGENAL PASTI  
KAEDAH-KAEDAH ATAU  
CARA-CARA BARU UNTUK  
MENCAPAI MATLAMAT-  
MATLAMAT YANG TELAH  
DITETAPKAN UNTUK

MELAKSANAKAN  
PERUBAHAN.

- B) BERDASARKAN PERANCANGAN STRATEGIK UNIVERSITI PERNYATAAN – PERNYATAAN BERIKUT TELAH MENJELASKAN ARAH TUJU KUTKM YANG SEBENAR, IAITU;

STRUKTUR ORGANISASI YANG TELUS DAN DINAMIK

11. STRUKTUR ORGANISASI KUTKM PERLU DIKAJI SECARA MENYELURUH DAN PERLU BERUBAH MENGIKUT KEPERLUAN DAN FASA-FASA PELAKSANAAN BERPERINGKAT-PERINGKAT BERDASARKAN KEPADA FAKTOR-FAKTOR PERSEKITARAN TANPA MENJEJASKAN PERANAN ASALNYA. JUSTERU ITULAH, TERTAKLUK KEPADA GARIS PANDUAN PERANCANGAN TENAGA MANUSIA SEKTOR AWAM YANG DITETAPKAN OLEH

AGENSI PUSAT TERUTAMANYA PIHAK JABATAN PERKHIDMATAN AWAM SEPULUH (10) DAN SATU (1) STAF AKADEMIK : SATU (1) STAF BUKAN AKADEMIK, PEMBENTUKAN STRUKTUR ORGANISASI DAN JUGA STRUKTUR SKIM PERKHIDMATAN / GRED JAWATAN MESTILAH EFEKTIF.

#### BUDAYA ILMU

12. DALAM MENANGANI ARUS PERUBAHAN YANG KOMPLEKS, PIHAK PENGURUSAN KUTKM PERLU MENGAMBIL IKTIBAR DARI PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DI IPTA SAMA ADA DI DALAM DAN LUAR NEGARA BERHUBUNG DENGAN PEMBUDAYAAN BUDAYA ILMU DI KALANGAN STAF-STAF MEREKA DALAM KONTEKS CABARAN-CABARAN MASA KINI DAN JUGA PELAKSANAAN MODEL KOMPETENSI DALAM PERKHIDMATAN AWAM MASA KINI; KUTKM MESTI MENGADAPTASI PENGUASAAN ILMU



PENGETAHUAN, MAKLUMAT DAN KEMAHIRAN SERTA TEKNOLOGI KEPADA SETIAP ANGGOTA STAFNYA.

### **PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (PSM)**

#### **PENDEKATAN STRATEGIK PSM**

13. A) DALAM MENANGANI DAN MENGURUSKAN PERUBAHAN YANG BERLAKU, PENDEKATAN STRATEGIK PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (PSM) OLEH KEPIMPINAN UNIVERSITI AMATLAH PENTING DALAM MENYUMBANG KEPADA PENCAPAIAN MATLAMAT DAN STRATEGI ORGANISASI. PENDEKATAN PSM INI ADALAH MERUJUK KEPADA BENTUK-BENTUK AMALAN TERBAIK DALAM PSM. IA TERMASUK;
- I) MELIBATKAN KEPUTUSAN DAN TINDAKAN PENGURUSAN YANG

MEMBERI KESAN KE ATAS HUBUNGAN DI ANTARA ORGANISASI DENGAN PEKERJANYA;

- II) MENGUTAMAKAN NILAI-NILAI POSITIF YANG MENDASARI DASAR DAN AMALAN KECEMERLANGAN PENTADBIRAN ORGANISASI; DAN
- III) MEMASTIKAN SEMUA ANGGOTA ORGANISASI MENGETAHUI, MEMAHAMI, MENGHAYATI DAN MEMBUDAYAKAN MATLAMAT DAN OBJEKTIF ORGANISASI.

- B) AMATLAH JELAS BAHAWA PENDEKATAN STRATEGIK PSM (MERANGKUMI OBJEKTIF, DASAR DAN STRATEGI PELAKSANAAN) PERLU DIGUBAL DENGAN MENGAMBIL KIRA / TERTAKLUK KEPADA PERANCANGAN

STRATEGIK UNIVERSITI. INI MEMBOLEHKAN KOMPETENSI YANG DIJANA MENERUSI PENDEKATAN STRATEGIK PSM INI DAPAT MEMENUHI KESELURUHAN OBJEKTIF ORGANISASI.

- C) PENDEKATAN STRATEGI PSM INI PERLU DISOKONG OLEH TEKNOLOGI MAKLUMAT, STRUKTUR ORGANISASI, SUMBER-SUMBER / BAHAN-BAHAN DAN “STANDARD OF PROCEDURES” (SOP) YANG EFEKTIF DAN EFISYEN.

#### CIRI – CIRI PENDEKATAN STRATEGIK PSM

##### “BEST MATCH”

14. A) DALAM KONTEKS UMUM, PENDEKATAN STRATEGIK PSM DI ATAS ADALAH MENJADI KEMESTIAN BAGI KEPIMPINAN PENGURUSAN UNIVERSITI MELAKSANAKANNYA BAGI

MENJAYAKAN PENGURUSAN PERUBAHAN YANG PERLU DILAKUKAN. KRITERIA TERPENTING IALAH BAGAIMANA AMALAN-AMALAN TERBAIK PSM DAPAT MENCAPAI “BEST MATCH” DENGAN PEMILIHAN STAF / PEKERJA YANG PALING SESUAI UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN ORGANISASI.

- B) KEBERKESANAN ORGANISASI AMAT BERGANTUNG KEPADA SEJAUH MANA WUJUDNYA PENYESUAIAN (BEST MATCH) DI ANTARA SUMBER MANUSIA DENGAN STRATEGI ORGANISASI. DENGAN KATA LAIN : “*TO PLACE THE RIGHT PEOPLE WITH THE RIGHT COMPETENCIES IN THE RIGHT ROLES THAT ARE VALUE-ADDED AT THE RIGHT TIME*”.



## PSM BERASASKAN KOMPETENSI

15. A) PENDEKATAN STRATEGIK PSM JUGA MEMBERI PENEKANAN KEPADA KEPERLUAN KOMPETENSI DALAM SEMUA FUNGSI PENGURUSAN SUMBER MANUSIA. KOMPETENSI YANG MERANGKUMI PENGETAHUAN, KEMAHIRAN DAN CIRI-CIRI PERIBADI (*PERSONALITY TRAITS*) INI MENJADI ASAS BAGI SEMUA FUNGSI PENGURUSAN SUMBER MANUSIA YANG BERKAITAN DENGAN PENGAMBILAN, PENEMPATAN, PENILAIAN PRESTASI, KENAIKAN PANGKAT, GANJARAN, PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA (LATIHAN DAN KEMAJUAN KERJAYA) DAN SEUMPAMANYA.

B) OLEH YANG DEMIKIAN, PENGURUSAN PERSONEL MEMAINKAN PERANAN YANG KRITIKAL DALAM PENDEKATAN STRATEGIK PSM KERANA IA BOLEH MEMBERI KELEBIHAN UNTUK BERSAING DALAM MENANGANI ARUS PERUBAHAN PERSEKITARAN. KONSEP “*RIGHTSIZING*”, “*EMPOWERMENT*” DAN “*RE-ENGINEERING*” PERLU DIAMALKAN. KEPIMPINAN UNIVERSITI MESTI MEMASTIKAN DASAR BERHUBUNG DENGAN PERSONEL DAN STRUKTUR ORGANISASI JUGA MESTILAH SELARI (CONGRUENT) DENGAN STRATEGI UNIVERSITI.

## STRUKTUR ORGANISASI YANG FLEKSIBEL

16. PENDEKATAN STRATEGIK PSM PERLU MENGAMBIL KIRA KEPERLUAN FLEKSIBILITI DALAM STRUKTUR ORGANISASI. FLEKSIBILITI ADALAH PERLU DALAM USAHA UNTUK

MENCAPAI KESESUAIAN DAN KEUPAYAAN ORGANISASI BERTINDAK BALAS DALAM KEADAAN PERUBAHAN PERSEKITARAN SECARA DINAMIK. MELALUI FLEKSIBILITI INI KEPIMPINAN ORGANISASI MAMPU MENANGANI CABARAN DAN PELUANG YANG WUJUD DARI PERUBAHAN FAKTOR-FAKTOR LUARAN ATAU DALAMAN YANG MEMPENGARUHI PERUBAHAN DALAM SESEBUAH ORGANISASI DAN DAPAT MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG PANTAS KEPADA KEPERLUAN SEMASA KOMUNITI.

#### **PERANCANGAN UNTUK MENANGANI PERUBAHAN DISEBABKAN OLEH FAKTOR DALAMAN**

#### **KONSENSUS AKTIVITI UNIT-UNIT OPERASI – AKADEMIK**

- A) SEMUA UNIT OPERASI AKADEMIK MELETAKKAN OBJEKTIF UNTUK MEMASTIKAN SETIAP PROGRAM-PROGRAM AKADEMIK YANG DIJALANKAN MENDAPAT PENGIKTIRAFAN DI PERINGKAT NASIONAL DAN ANTARABANGSA.
- B) MENAWARKAN PROGRAM AKADEMIK YANG BERKUALITI DENGAN PENEKANAN DARI ASPEK BERORIENTASIKAN APLIKASI DALAM BIDANG-BIDANG KEJURUTERAAN DAN KOMPUTER SEJAJAR DENGAN KEPERLUAN INDUSTRI SEMASA SERTA DIIKTIRAF OLEH BADAN-BADAN PROFESIONAL. MULAI TAHUN 2004 TINDAKAN DAN STRATEGI TELAH



DIRANGKA UNTUK MENDAPATKAN AKREDITASI.

C) MELAHIRKAN GRADUAN KEJURUTERAAN DAN KOMPUTER YANG KOMPETEN, BERFIKIRAN KRITIS DAN INOVATIF SERTA BERKEUPAYAAN MENYELESAIKAN MASALAH SECARA BERPASUKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN TENAGA KERJA. UNTUK MEMBANTU KEJAYAAN DAN KECEMERLANGAN PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI ATAS PADA SETIAP MASA UNIVERSITI PERLU MENINGKATKAN PEROLEHAN / PEMBELIAN BAGI MENCAPAI SASARAN SEKURANG-KURANGNYA 40% PERALATAN MAKMAL YANG MENYAMAI KEPERLUAN PERALATAN DI INDUSTRI NEGARA.

D) MENINGKATKAN KEPAKARAN DAN KOMPETENSI STAF AKADEMIK MELALUI PROGRAM PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA YANG TERANCANG, BERKUALITI DAN BERTERASKAN NILAI-NILAI MURNI. MULAI TAHUN 2005 UNIVERSITI TELAH MENETAPKAN SASARAN UNTUK MENGHANTAR STAF AKADEMIK MELANJUTKAN PELAJARAN KE PERINGKAT PH.D PADA KADAR 10 – 15%. DI SAMPING ITU SETIAP STAF AKADEMIK DIWAJIBKAN MENDAFTAR DENGAN BADAN-BADAN PROFESIONAL SEPERTI IEM DAN BEM.

E) SETIAP UNIT OPERASI PERLU MEMPUNYAI OBJEKTIF UNTUK MENJALANKAN AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) YANG BERLANDASKAN PENYELESAIAN MASALAH INDUSTRI KE ARAH

MEMAJUKAN PROGRAM PASCA SISWAZAH SERTA MENGHASILKAN PRODUK YANG DIPATENKAN DAN DIKOMERSIALKAN.

KEPERLUAN PASARAN DOMESTIK DAN GLOBAL DI SAMPING MENJANA PENDAPATAN DAN HASIL KEPADA UNIVERSITI.

F) MENINGKATKAN PERKONGSIAN PINTAR DI ANTARA UNIVERSITI-UNIVERSITI DI PERINGKAT UNIT OPERASI / FAKULTI, SEMAKAN KURIKULUM DAN SILIBUS AKAN DIBUAT SECARA BERTERUSAN MULAI TAHUN 2004.

H) MENAWARKAN KHIDMAT PERUNDINGAN, KURSUS PROFESIONAL DAN PENDIDIKAN BERTERUSAN BERORIENTASIKAN APLIKASI DALAM BIDANG KEJURUTERAAN DAN KOMPUTER SERTA BIDANG-BIDANG KEPAKARAN ATAU PENGKHUSUSAN YANG STRATEGIK BAGI MENEPATI